# INSTITUSI UNDANG LUAK JELEBU: KAJIAN TERHADAP PERKEMBANGANNYA DAN ANALISIS KE ATAS KRISIS PERLANTIKAN UNDANG JELEBU 1980

KHAIRUDIN BIN ABBAS

Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Dalam Bidang Sejarah

"Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan nukilan-nukilan yang mana telah saya akui tiap-tiap satunya"

Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Sesi 1984/85

...khas buat,

*Keluarga di kampung yang pernah "menangis"*
*keranaku dan juga Syaraidah yang dikasihi.*

## Sinopsis

Latihan Ilmiah ini penulis bahagikan kepada lima bab. Dalam bab pertama, penulis akan menyentuh tentang Sistem Politik Tradisional Jelebu. 'Sistem Politik Tradisional Jelebu' di sini merujuk kepada sistem politik yang diamalkan di Jelebu sebelum kedatangan Inggeris. Sehubungan dengan ini, penulis akan mengutarakan kedatangan Adat Perpatih dari Minangkabau dan pengubahsuaian adat tersebut dengan keadaan setempat. Penulis juga akan menyentuh kedudukan Undang secara umum dan juga peranan Dato'-dato' Lembaga yang Lapan di dalam melantik Undang. Di akhir bab ini, penulis akan menyentuh tentang sejarah kewujudan Institusi Yamtuan Jelebu dan peranan institusi tersebut.

Di dalam bab kedua pula, penulis akan mengkaji secara khusus tentang Institusi Undang Jelebu dan perkembangannya sehingga tahun 1945. Perkara-perkara yang turut dibincangkan di dalam bab ini ialah sejarah kewujudan institusi Undang itu dan syarat-syarat yang diperlukan bagi seseorang yang ingin menjawat jawatan Undang di Jelebu. Penulis juga akan menyentuh tentang pergeseran yang berlaku diantara Undang dengan Yamtuan Jelebu yang mana pergeseran itu berakhir dengan penghapusan institusi Yamatuan Jelebu. Dalam bab ini juga, akan dikaji tentang kedatangan Inggeris dan kesan kedatangan mereka ke atas pentadbiran adat di Jelebu.

Bab ketiga menyentuh tentang perkembangan Institusi Undang selepas tahun 1945. Ini termasuklah kedudukan Undang di masa Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Apa yang lebih penting lagi ialah soal kedudukan Undang selepas kemerdekaan 1957. Penulis akan

menyingkap bagaimana Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Sembilan selepas merdeka memelihara kedudukan Undang dan yang Di Pertuan Negeri Sembilan.

Bab keempat adalah merupakan kemuncak dalam penulisan kajian ini. Penulis akan membahagikan bab ini kepada dua bahagian iaitu sebelum dan selepas tarikh Perlantikan Undang Jelebu 1980. Supaya krisis perlantikan Undang Jelebu 1980 yang diperbincangkan di dalam bab ini dapat dilihat dengan mudah, maka adanya pemahaman terhadap bab 1, 2 dan 3 dalam kajian ini adalah penting. Lampiran-lampiran yang terdapat dalam latihan ilmiah ini juga dapat membantu pemahaman seseorang terhadap krisis perlantikan Undang Jelebu 1980.

Akhir sekali, dalam bab kelima penulis membuat kesimpulan terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya. Di samping itu, penulis juga akan menyentuh tentang implikasi yang wujud ekoran dari krisis perlantikan Undang Jelebu 1980.

## SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| DBP | - | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| h. | - | halaman |
| JMBRAS | - | Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society |
| JSBRAS | - | Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society |
| MBRAS | - | The Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society |
| No. | - | Number |
| OUP | - | Oxford University Press |
| p. | - | page |
| pt. | - | part |
| UMNO | - | United Malays National Organization |
| Vol. | - | Volume |

## SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| DBP | - | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| h. | - | halaman |
| JMBRAS | - | Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society |
| JSBRAS | - | Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society |
| MBRAS | - | The Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society |
| No. | - | Number |
| OUP | - | Oxford University Press |
| p. | - | page |
| pt. | - | part |
| UMNO | - | United Malays National Organization |
| Vol. | - | Volume |

## SENARAI LAMPIRAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Lampiran 1a: | Daerah-daerah Adat di Negeri Sembilan .. .. | 172 |
| b: | Daerah Jelebu .. .. .. | 173 |
| Lampiran 2 : | Salasilah Yamtuan Jelebu .. .. .. | 174 |
| Lampiran 3a: | Perjanjian Diantara Yang DiPertuan Besar Sri Menanti dengan Undang Yang Empat 1898 .. .. .. .. .. .. .. .. .. .. .. | 175 |
| b: | Agreement Between His Majesty's Government Within The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the State of Negri Sembilan .. .. .. .. | 176 - 177 |
| Lampiran 4 : | Permintaan Lembaga Yang Tiga mengadakan Undang Baru Menggantikan Allahyarham Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Maamor .. .. | 178 |
| Lampiran 5 : | Menimbulkan Undang Yang Baru .. .. .. .. .. | 179 |
| Lampiran 6 : | Menimbulkan Bakal Undang Luak Jelebu .. .. | 180 |
| Lampiran 7 : | Surat Bantahan dan Tuntutan Dari Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman .. .. .. .. .. | 181 - 183 |
| Lampiran 8 : | Surat pencalonan Undang oleh Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman (1) .. .. .. .. | 184 - 185 |
| Lampiran 9 : | Surat Jemputan kepada Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman ke Majlis Kerapatan Mencari Bakal Undang .. .. .. .. | 186 |
| Lampiran 10: | Surat pencalonan Undang oleh Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman (II).. .. .. .. | 187 |
| Lampiran 11: | Surat Persetujuan Ketua-ketua 'waris Berundang' Berhubung Dengan Penapisan calon Undang .. .. .. .. .. .. .. .. .. | 188 |
| Lampiran 12: | Pengakuan Menapis calon-calon Undang bagi pihak 'tali pesaka' .. .. .. .. .. | 189 |
| Lampiran 13: | Surat Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus Berhubung Dengan Penolakan calon Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman .. .. .. | 190 - 191 |

| | | Halaman |
|---|---|---|
| Lampiran 14: | Peraturan Dalam Soal Pemegangan Jawatan Adat di Jelebu .. .. .. .. | 192 |
| Lampiran 15: | Surat dari Harun bin Bakar kepada Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus .. .. | 193 |
| Lampiran 16: | Surat dari Dato' Paduka Menteri Sulaiman bin Abdul Ghani kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda .. .. .. | 194 |
| Lampiran 17: | Surat dari Dato' Rais Yatim kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda (1) .. .. | 195 |
| Lampiran 18: | Peringatan Perjumpaan Dato'-dato' Lembaga dan Waris .. .. .. .. .. .. .. | 196 - 198 |
| Lampiran 19: | Pengesahan Calon Undang Luak Jelebu .. .. | 199 |
| Lampiran 20: | Surat dari Ismail Kassim kepada Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus .. .. .. .. | 200 |
| Lampiran 21: | Surat dari Dato' Rais Yatim kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda (II) .. | 201 |
| Lampiran 22: | Surat dari tujuh orang Dato' Lembaga kepada Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang .. .. .. .. .. .. .. | 202 |
| Lampiran 23: | Keputusan Dewan Keadilan dan Undang .. .. | 203 |
| Lampiran 24: | Judgement of Abdul Hamid F.J. .. .. .. .. | 204 - 209 |
| Lampiran 25: | Judgement of Saleh Abas F.J. .. .. .. .. | 210 - 216 |
| Lampiran 26: | Pesaka Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Undang Luak Jelebu .. .. .. | 217 |

## PENGHARGAAN

*Kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan tanpa bantuan serta kerjasama dari pihak-pihak tertentu.*

*Oleh itu saya ingin menyampaikan rasa penghargaan serta terhutang budi kepada mereka yang di bawah ini. Pertama kepada penyelia saya Encik Nabir bin Haji Abdullah kerana bimbingan, dorongan serta kesabaran beliau membantu saya di sepanjang penulisan kajian ini. Juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Nadzan bin Haron (kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D) kerana turut membantu saya di peringkat awal penulisan kajian ini.*

*Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Encik Syed Zin bin Syed Hussin, Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shahmaruddin, Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman, Encik Ahmad bin Abu, Encik Sulaiman bin Abdul Ghani, Encik Ujang bin Mohar, Encik Ismail bin Kasim, Encik Raja Sirajudin bin Raja Jaafar, Encik Syed Ismail bin Syed Ali dan Tunku Syed Idrus bin Syed Muhammad yang sudi memberikan kerjasama, serta instimewa buat Y.A.M. Dato' Musa bin Wahab P.J.K. kerana kebenarkan mengadap di Balai Undang Luak Jelebu.*

*Penghargaan ini juga saya tujukan kepada adik saya, Zulkifli Abbas dan Ateh kerana turut membantu saya dalam kajian ini. Juga kepada saudara Nor Azizan bin Idris (tutor Fakulti Sains Pembangunan) dan saudara Baharin bin Idris kerana bantuan dan dorongan yang diberikan. Penghargaan yang paling istimewa sekali saya tujukan kepada Zuraidah Jaafar kerana sentiasa memberikan semangat dan dorongan kepada saya.*

*Akhir sekali ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Puan Sabariah bt Hj. Hassan dan rakan-rakan yang telah sudi menaip latihan ilmiah ini, dan juga kepada semua guru serta pensyarah yang telah mendidik saya.*

*KHAIRUDIN BIN ABBAS*
*No. 1, Kg. Rawa, Lenggeng,*
*Negeri Sembilan.*

## PENDAHULUAN

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan sistem Adat Perpatihnya. Terdapat sembilan buak luak atau daerah di Negeri Sembilan iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunong Pasir, Sungai Ujong, Sri Menanti, Jelebu, Johol dan Rembau. Di antara kesembilan luak ini, empat daripadanya merupakan luak yang utama. Luak-luak tersebut ialah Jelebu, Sungai Ujong, Johol dan Rembau. Ketua di setiap luak yang utama ini dikenali dengan istilah yang khusus iaitu "Undang". Walau bagaimanapun di dalam kajian ini penulis akan lebih menumpukan perhatian kepada institusi Undang Luak Jelebu.

Institusi Undang Luak Jelebu yang wujud pada hari ini diasaskan lebih daripada dua abad yang lalu iaitu kira-kira pada tahun 1757. Sejak kewujudannya, institusi ini sering menghadapi cabaran-cabaran yang hebat. Setelah kedatangan Inggeris misalnya, kuasa Undang telah dikurangkan yang mana Undang hanya diberi kuasa di dalam soal-soal agama Islam dan adat sahaja. Nasib yang serupa, dialami juga oleh pembesar atau pemerintah yang terdapat di negeri-negeri lain. Kemudiannya pada tahun 1963, usaha-usaha untuk melantik Undang Jelebu yang baru telah berakhir dengan krisis. Di tahun 1980, krisis perlantikan Undang sekali lagi meletus di Jelebu. Tetapi krisis yang berlaku di tahun 1980 ini adalah lebih hebat kerana ianya berlanjutan hingga ke mahkamah dan seterusnya mewujudkan jawatan 'dua Undang' di Jelebu.

Adalah menjadi hasrat penulis untuk membongkar sebab-musabab kenapa krisis perlantikan Undang Jelebu 1980 itu berlaku. Pada pen-

dapat penulis, usaha-usaha untuk mencari sebab berlakunya krisis itu tidak akan berjaya sekiranya seseorang itu hanya menumpukan perhatiannya kepada peristiwa krisis 1980 itu sahaja. Ini adalah kerana, sebab-sebab yang mencetuskan krisis itu telah wujud lebih awal lagi. Atas hakikat itulah penulis memulakan kajian ini dengan memperkenalkan sistem politik tradisional yang diamalkan di Jelebu. Seterusnya penulis akan mengkaji institusi Undang Jelebu dan perkembangannya sehingga tahun 1980.

Di dalam mengkaji perkembangan institusi Undang Jelebu ini, penulis akan cuba mengemukakan peristiwa-peristiwa tertentu yang melibatkan kedudukan institusi Undang secara khusus. Ini termasuklah peristiwa Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan kemerdekaan 1957 seperti mana yang disentuh dalam bab ketiga dalam kajian penulisan ini. Di dalam bab ketiga juga, penulis sengaja mengetengahkan kedudukan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan dan seterusnya membandingkan kedudukan Yang Di Pertuan Besar ini dengan Undang. Penulis berbuat demikian kerana ada pihak tertentu yang cuba menyamakan taraf kedudukan Undang dengan Raja (Yang Di Pertuan Besar).

## Kaedah Kajian

'Library research' dan wawancara adalah merupakan dua kaedah yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Kaedah wawancara diperlukan kerana belum ada bahan-bahan bertulis yang menyentuh krisis pelantikan Undang Jelebu 1980 ini secara khusus. Cuma yang ada ialah sebuah kertas kerja yang ditulis oleh Zulkepley Dahalan bertajuk

Kebanyakan surat-surat yang diperolehi itu ada dilampirkan di dalam latihan ilmiah ini. Penulis dapati ada di antara surat-surat itu yang kandungannya menyentuh peribadi seseorang. Untuk mengelakkan dari berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini, penulis meminta jasa baik Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia supaya ada bahagian-bahagian tertentu dalam latihan ilmiah ini tidak disebarkan untuk bacaan umum.

Sekalipun dinyatakan penulis telah berjaya mengadakan hubungan yang rapat dengan para responden, tetapi masih ada di antara mereka yang takut untuk memberi bahan-bahan dan keterangan-keterangan tertentu. Encik Ismail Kassim (Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang) misalnya, enggan memberikan 'Laporan Tan Sri Salleh Abas mengenai kedudukan Undang dan Yang Di Pertuan Besar' kerana dianggap sangat sulit. Sedangkan penulis amat memerlukan laporan tersebut untuk bab ketiga dalam kajian ini.

Hasil daripada kajian ini, penulis ingin memperakui bahawa tidak mungkin latihan ilmiah ini dapat memberi segala jawapan kepada semua persoalan yang timbul pada pembaca, tetapi penulis berharap ia dapat memberi beberapa jawapan kepada sebahagian darinya. Penulis juga berharap semoga latihan ilmiah ini dapat menimbulkan minat pada para pelajar lain untuk mengkaji krisis perlantikan Undang yang berlaku di luak-luak lain.

## KANDUNGAN


| | Halaman |
|---|---|
| SINOPSIS ... ... ... ... | i - ii |
| SENARAI KEPENDEKAN ... ... ... ... | iii |
| SENARAI LAMPIRAN ... ... ... ... | iv - v |
| PENGHARGAAN ... ... ... ... | vi |
| PENDAHULUAN ... ... ... ... | vii - x |
| BAB 1 : SISTEM POLITIK TRADISIONAL JELEBU | 1 - 28 |
| i. Institusi Undang Jelebu (Secara Umum) | 7 - 10 |
| ii. Dato' Lembaga yang Lapan : Peranan Serta Fungsi ... ... ... | 10 - 23 |
| iii. Institusi Yamtuan Jelebu ... ... | 23 - 28 |
| BAB 2 : INSTITUSI UNDANG JELEBU DAN PERKEMBANGANNYA SEHINGGA TAHUN 1945 | 29 - 60 |
| i. Moyang Saleh dan 'Peristiwa Memutus Tali ke Johor'. ... ... ... | 30 - 40 |
| ii. Perkembangan Institusi Undang Jelebu sehingga tahun 1945 ... ... | 40 - 54 |
| iii. Kesan Kedatangan Inggeris ke atas Pentadbiran Adat ... ... | 54 - 60 |
| BAB 3 : PERKEMBANGAN SELEPAS TAHUN 1945 : KEDUDUKAN UNDANG DAN YANG DI PERTUAN BESAR DARI SUDUT PERLEMBAGAAN. | 61 - 90 |
| i. Malayan Union ... ... ... | 61 - 67 |
| ii. Persekutuan Tanah Melayu 1948 ... | 67 - 76 |
| iii. Kemerdekaan dan Perlembagaan 1957 ... | 76 - 90 |

## KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| BAB 4 : | KRISIS PERLANTIKAN UNDANG JELEBU 1980 ... | ... 91 - 150 |
| | i. Sebelum Tarikh Perlantikan Undang Jelebu 1980 ... ... ... | ... 93 - 126 |
| | ii. Semasa Dan Selepas Tarikh Perlantikan Undang Jelebu 1980 ... ... | ...126 - 150 |
| BAB 5 : | KESIMPULAN ... ... ... ... | ...151 - 161 |
| BIBLIOGRAFI | ... ... ... ... ... | ...162 - 171 |
| LAMPIRAN | ... ... ... ... ... | ...172 - 217 |

# BAB 1

## *SISTEM POLITIK TRADISIONAL JELEBU*

Daerah Jelebu yang wujud pada hari ini adalah merupakan salah sebuah pentadbiran moden kerajaan Negeri Sembilan. Pada ketika yang lama ia juga merupakan salah satu dari empat buah luak (daerah) politik tradisi yang utama di samping Sungai Ujong, Rembau dan Johol. Ini bermakna keempat-empat luak ini dengan rasminya masih mengekalkan sistem 'Adat Perpatih'. Sistem ini adalah berasal dari Tanah Seberang iaitu Sumatera dan ianya dibawa oleh penghijrah-penghijrah Minangkabau. Sebenarnya tarikh yang tepat tentang kedatangan penghijrah-penghijrah ini adalah sukar untuk dipastikan. Walau bagaimanapun kebanyakan sejarawan menyatakan bahawa tarikh kedatangan penghijrah-penghijrah Minangkabau ini ke Negeri Sembilan adalah selari dengan tarikh kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka.[1] Kedatangan mereka ini pula tidaklah serentak tetapi berperingkat-peringkat dengan rombongan masing-masing melalui Sungai Linggi dan anak-anak sungai lain di persisiran Selat Melaka lalu masuk ke daerah-daerah pendalaman.[2]

---

[1] Antara sejarawan yang berpendapat demikian ialah J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, h. 55, R.J. Wilkinson, "Notes on the Negri Sembilan", dalam Papers on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1911, pp.11-13, dan R.O. Winstedt, "Negeri Sembilan; The History, Polity and Beliefs of the Nine States", dalam JMBRAS, Vol.12, Oktober 1934, pp. 44-45.

[2] Ibrahim Mustapa, "Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan", dalam Warisan, 1981, h. 22.

Adat Perpatih yang dibawa oleh penghijrah-penghijrah Minangkabau ini adalah merupakan satu kumpulan Undang-undang yang tidak bertulis. Ia diturunkan secara lisan dari ibu bapa kepada anak-anaknya melalui 'perbilangan adat' iaitu kumpulan kata yang mengandungi makna yang khusus. Adat ini mengawal gerak-geri dan tata-tertib di kalangan masyarakat dan hukumnya adalah dianggap Undang-undang.[3]

Kalau kita bandingkan di antara adat dengan Islam, maka kita akan dapati bahawa tidak terdapat percanggahan antara keduanya. Malah adat dan Islam ini dianggap saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Ini jelas dari perbilangan berikut;

Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitab'llah,
Kuat adat, ta' gadoh hukum,
Kuat hukum, ta' gadoh adat,
Ibu hukum muafakat,
Ibu adat muafakat,[4]

Jika dibandingkan Adat Perpatih dengan Adat Temenggong[5] pula, kita akan dapati kedua-dua jenis adat ini tidak banyak berbeza. Mohd. Din

---

[3] Abdul Ghani Shamaruddin, "Undang Luak Jelebu : Adat Pertabalan", dalam Bahasa, Vol. 2, No. 1, 1959, hl. 12.

[4] A. Caldecott,"Jelebu Customary Songs and Sayings", dalam JMBRAS, Vol. 78, 1918, pp. 26-27.

[5] Adat Temenggong ini juga berasal dari Sumatera dan diamalkan di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Kelantan.

bin Ali telah mengaitkan kedua-dua jenis adat tersebut sebagai berikut;

> The two systems differ diametrically in that one is patrilineal and the other matrilineal in character and application. However it has been shown that one is really the off-shoot of the other. Taylor in his 'Malay Family Law' states that the 'Adat Temenggong is a derivative from the basic tribal organisation in Sumatra (the Adat Perpatih) which as a result of the Hindu monarchial influence of Palembang was shorn of its tribal organisation, its exogamous system and its matrileal law of property. 6

Amnya, perbezaan yang amat nyata antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung dapatlah digariskan sebagai berikut;

1. *Cara pemerintahan*

Cara pemerintahan Adat Temenggong ialah aristokrasi. Ketua Negeri sebagai Raja berhak mengambil keputusan terakhir. Sedangkan cara pemerintahan Adat Perpatih adalah demokrasi. Pemerintahan pertama sekali terletak di-tangan *mamak* (saudara lelaki yang tertua dari ibu); kemudian *buapak* (ketua perut); kemudian *lembaga* (ketua suku), kemudian *Undang* (ketua luak) dan akhir sekali *Ketua Negeri* (Yang Dipertuan Besar atau Yamtuan). Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik oleh lembaga.dan

---

6 Mohd. Din bin Ali, "Malay Customary Law/Family", dalam Intisari, Vol. 2, No.2, 1964, p. 34

Yamtuan dipilih dan dilantik oleh Undang.[7]

2. *Cara garis keturunan*

Adat Temenggong menarik garis keturunan secara unilateral-patrilineal; keturunan disusur galurkan kepada satu pihak sahaja iaitu pihak bapa. Sedangkan Adat Perpatih menarik garis keturunan secara unilateral-matrilineal; keturunan disusurgalurkan juga kepada satu pihak tetapi penyusur galuran menurut pihak ibu.[8]

Sekalipun Adat Perpatih dikatakan berasal dari Sumatera, namun adat yang dipakai di Negeri Sembilan bukanlah seratus peratus sama dengan adat yang dipakai di sana. Sebagai contoh yang jelas ialah institusi Undang tidak terdapat di sana.[9] Malah Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat adat di Negeri Sembilan adalah berbeza dari segi perlaksanaannya mengikut luak masing-masing. Menurut Abdul Ghani Shamaruddin, ini sememangnya resmi alam atau 'the laws of nature'. Pokok pisang yang berasal dari anak rumpun yang satu tidak akan sama pertumbuhannya apabila ditanam pada tempat yang berlainan. Dengan kata lain, "lain padang lain belalang; lain lubuk lain ikannya".[10]

---

[7] Abdullah Siddik, Pengantar Undag-undang Adat di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, h. 110.

[8] Ibid.

[9] Untuk melihat perbezaan ini dengan lebih lanjut, sila lihat P.E. de Josselin De Jong, Minangkabau and Negri Sembilan : Socio-Political Structure in Indonesia, Bhratara, Djakarta, 1960, pp.168-181.

[10] Temuramah, Abdul Ghani Shamaruddin, Mengkan, Jelebu, 25hb. Sept. 1984. Lihat juga tulisan beliau, "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk lain Ikan", dalam Dewan Masyarakat, Mac 1964, h. 16.

Adat Perpatih yang wujud di Negeri Sembilan sebenarnya telah begitu banyak dipersesuaikan dengan kehidupan masyarakat tempatan dan mungkin atas dasar ini ia masih wujud hingga ke hari ini. Dengan kata lain, Adat Perpatih itu adalah dinamis dan ia berubah mengikut peredaran zaman, "sekali air gadang /besar/, sekali tepian berubah". Tetapi dalam perubahan itu, ada beberapa dasar adat yang tidak boleh langsung disentuh seperti sistem bersuku, sistem bersusur galur dari ibu dan sistem tanah pusaka. Kalau diubah juga, adat itu akan punah seperti ramalan perbilangan, "dianjak layu, dicabut mati".[11]

Seperti yang telah dinyatakan bahawa pemerintahan dalam Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi di mana pemimpinnya adalah datang dari rakyat dan pemimpin itu pula dikehendaki menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Perbilangan adat yang berikut boleh dijadikan bukti bahawa pemimpin itu sebenarnya datang dari rakyat;

Bulat anakbuah membentuk lembaga
Bulat Lembaga membentuk Penghulu

Penghulu atau Dato' Penghulu adalah ketua setiap luak yang terdapat di Negeri Sembilan (kesemua luak yang terdapat di Negeri Sembilan ini boleh dilihat dari rajah di Lampiran 1a). Di kalangan Dato' Penghulu ini, terdapat susun pangkat yang jelas. Empat daripada Dato' Penghulu itu, Dato' Penghulu Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol mempunyai status yang lebih tinggi. Mereka ini diberi wibawa untuk melantik Yang

---

[11] Nordin Selat, "Pemimpin Dalam Adat Perpatih", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Belia Negeri Sembilan pada 10-12 April 1974.

DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan kerana itulah mereka dikenali sebagai 'Penghulu berlantik'.[12] Sebenarnya keempat-empat Dato' Penghulu yang utama itu dikenali juga dengan istilah yang khusus iaitu *Undang* dan mereka ini pula, mempunyai gelaran yang tertentu. Undang Luak Sungai Ujong bergelar Dato' Kelana Putra, Undang Luak Rembau bergelar Dato' Sedia Raja dan Undang Luak Johol bergelar Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan. Manakala Undang Luak Jelebu pula bergelar Dato' Kendika Menteri Akhirulzaman.

Para Undang di setiap luak adalah dipilih dari suku[13] yang asal (suku yang mula-mula sekali menduduki Negeri Sembilan) dan suku ini dikenali sebagai suku Biduanda. Suku Biduanda ini nampaknya telah diberi legitimasi oleh suku-suku lain yang terdapat di Negeri Sembilan. Di Jelebu, ketinggian status suku Biduanda ini dilambangkan melalui penerimaan hasil tanah atau dikenali juga sebagai hasil ubi. Sekalipun jumlah hasil tanah yang diterimanya adalah kecil iaitu sebanyak dua

---

[12] Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873, Oxford University Press, Kuala LUmpur, 1972, p. 17. Malah luak-luak yang diperintah oleh keempat-empat Dato' Penghulu itu disebut sebagai 'Luak Pilihan', lihat M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, p. 124.

[13] Dalam istilah asalnya "suku" bererti "seperempat" kerana menurut tombo Minangkabau mereka berasal dari empat (4) suku iaitu suku Koto, suku Piliang, suku Budi dan suku Caniago. Tetapi dalam istilah sekarang, suku bererti satu unit kekeluargaan yang mana anggota-anggotanya percaya bahawa mereka berasal dari moyang yang sama tetapi terlalu jauh untuk disusurgalur. Terdapat dua belas suku di-Negeri Sembilan - 1. Biduanda, 2. Batu Hampar, 3. Tanah Datar, 4. Tiga Batu, 5. Sri Lemak, 6. Sri Melenggang, 7. Paya Kumboh, 8. Mungkal 9. Batu Belang, 10. Tiga Nenek, 11. Anak Aceh, 12. Anak Melaka. Lihat Abdullah Siddik, op.cit., h. 119 dan Mohtar b. H. Md. Dom, Malaysian Curtomary Laws and Usage, Federal Publications, Kuala Lumpur 1979, p. 4.

puluh sen sebulan, namun ianya tetap penting dari sudut status. Malah jika diperhatikan pada masa pendudukan Inggeris, suku Biduanda ini adalah satu-satunya suku di Jelebu yang dibenarkan memasuki Kolej Melayu Kuala Kangsar[14] yang asalnya mengutamakan anak-anak raja dan pembesar-pembesar Melayu.[15]

## *Institusi Undang Jelebu (Secara Umum)*

Undang Luak Jelebu seperti juga para Undang yang lainnya adalah merupakan kuasa yang tertinggi di luaknya, 'sekecil-kecil anak buah, sebesar-besar Undang.'[16] Segala perintah undang ini dianggap sebagai 'sabda'. Sistem politik tradisional Jelebu telah meletakkan Undang Luak Jelebu sebagai ketua dalam segala aspek kehidupan termasuk ketua di dalam agama Islam dan adat. Sebagai ketua agama Islam misalnya, Undang Luak Jelebu berkuasa penuh di dalam soal-soal agama Islam dan

---

[14] Kolej Melayu Kuala Kangsar ini ditubuhkan dalam tahun 1905 dan pembentukan kolej ini adalah untuk memberikan pelajaran kepada orang-orang Melayu dari keluarga 'baik-baik' dan juga bagi melatih anak-anak Melayu untuk memasuki setengah-setengah cabang perkhidmatan kerajaan. Hampir keseluruhan orang yang mendapat pendidikan di sini adalah terdiri dari anak-anak raja dan orang-orang besar. Lihat W.R. Roff, Nasionalisma Melayu, (terjemahan) Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, h. 125-6.

[15] M.G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, The Athlone Press, University of London, London, 1965, pp. 14-5. Antara mereka-mereka yang pernah memasuki Kolej tersebut ialah Shamaruddin bin Abdul Rahman (undang Luak Jelebu yang ke-13), Syed Zin bin Syed Husin, Othman bin Mohd. Jela dan Syed Yahya bin Syed Ahmad. Kesemua mereka itu adalah dari suku Biduanda. Temuramah, Syed Zin bin Syed Husin, Kampung Tampin Tengah, Tampin, 7 Oktober, 1984.

[16] Apa yang dimaksudkan dengan perbilangan tersebut ialah anakbuah (rakyat) mempunyai status yang terendah di dalam luaknya, manakala Undang pula mempunyai status serta kuasa yang tertinggi.

mentadbirkan hal ugama ini mengikut budi-bicara beliau. Beliau sendiri melantik 'kadi' di dalam luaknya. Walau bagaimanapun kadi dalam zaman tradisi dengan zaman sekarang adalah tidak sama dari segi fungsinya. Kadi di zaman tradisi hanya bermaksud seorang 'alim'[17] yang bertanggung-jawab di dalam soal nikah dan cerai sahaja. Bilangan orang yang alim ini juga adalah sangat sedikit dan mereka tertakluk kepada Undang.[18] Tetapi kini fungsi kadi ini tidaklah terhad di dalam soal nikah dan cerai sahaja. Malah perlantikan kadi dilakukan oleh kerajaan dan bukan-nya Undang.

Sebagai ketua adat pula, Undang bertanggungjawab untuk menguatkuasa-kan adat agar ianya dipatuhi oleh anak buah di dalam luaknya. Di dalam menguatkuasakan adat ini, Undang berperanan sebagai hakim dan bidang kuasanya amat luas seperti kata perbilangan;

> Boleh menghitam dan memutihkan
>
> Boleh memanjang dan memendekkan
>
> Boleh mengesah dan membatalkan[19]

Adapun kesalahan-kesalahan seperti menderhaka, salah guna kuasa oleh lembaga (ketua suku), menyerang dan mencederakan atau membunuh orang

---

[17] 'Alim' bermakna tahu atau berpengetahuan tentang ugama Islam.

[18] Temuramah, Dato' Musa bin Wahab, Balai Undang, Kuala Klawang, 25hb. Sept. 1984.

[19] Ibid.

lain adalah disebut sebagai 'pantang Undang' dan hanya Undang sahaja yang boleh mengadili kesalahan-kesalahan seperti itu. Kesalahan-kesalahan itu adalah dianggap terlalu berat dan jika ianya dibiarkan maka ia akan membinasakan masyarakat Adat Perpatih. Umumnya dalam kesalahan-kesalahan seperti itu, Undang boleh menjatuhkan hukuman-hukuman tertentu seperti hukuman mati, buang negeri, pemecatan jawatan adat dan denda yang berjumlah satu bahara (14 ringgit) ke atas.[20]

Walau bagaimanapun, dalam mengendalikan hal-ehwal adat di luaknya Undang dibantu oleh satu badan yang dikenal sebagai 'jemaah adat'. Bilangan ahli yang menganggotai jemaah adat itu adalah berbeza di antara satu luak dengan satu luak yang lain. Di luak Sungai Ujong misalnya, jemaah adat ini dianggotai oleh empat orang lembaga dan di Rembau pula ia dianggotai oleh lapan orang lembaga. Manakala di Jelebu, jemaah adat ini dianggotai oleh "ketua waris yang tiga"[21] iaitu waris-waris suku Biduanda yang boleh mencalonkan Undang. Ketua-ketua waris bertanggung-jawab memandu dan menasihatkan Undang di dalam menjalankan tugas-tugas hariannya. Di dalam membuat sesuatu keputusan yang penting seperti memecat lembaga atau menjatuhkan hukuman bunuh, Undang mestilah berunding

---

[20] C.W.C Parr and W.H. Mackray, "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs", dalam JSBRAS, Vol. 56, 1910, pp.53-6.

[21] Ketua Waris yang Tiga itu adalah terdiri dari Dato' Raja Balang (Ketua waris Ulu Jelebu), Dato' Maharaja Inda (ketua Waris Kemin) dan Dato' Paduka Menti (Ketua Waris Sarin).

terlebih dahulu dengan "ketua Waris yang tiga". Kerana itulah perbilangan adat sendiri ada menyatakan, 'sah betul surut lalu Undang kepada warisnya; hidup mati Undang; gemok berpupuk, segar bersiram kepada warisnya'.[22] Jadi dapatlah dikatakan bahawa sekalipun Undang itu mempunyai kuasa yang luas, tetapi ia tidak boleh bertindak dengan sewenang-wenangnya. Atas hakikat itulah Undang sering dianggap sebagai pemerintah yang berpelembagaan.

ii. *Dato' Lembaga yang Lapan: Peranan Serta Fungsi*

Istilah "Lembaga" atau biasanya disebut "Dato' Lembaga" bermaksud "ketua suku" ("clan chief" atau "clan head"). Dato' Lembaga atau ketua suku ini dilantik oleh buapak atau ketua perut. Sebagai ketua suku, Dato' Lembaga bertanggungjawab untuk menjaga keharmonian sukunya. Di dalam menjalankan tanggungjawab ini, Dato'-dato' Lembaga berkuasa untuk menyelesaikan sebarang perkara yang berlaku di kalangan anggota sukunya. Tetapi kuasa yang ada pada Dato' Lembaga ini tidaklah sama dengan kuasa yang ada pada Undang. Ini adalah kerana perbilangan adat telah menetapkan bahawa kuasa Undang "berkelentasan",[23] manakala kuasa Dato'-dato' Lembaga pula "bersekat".[24] Kalau diperhatikan dalam bidang jenayah misalnya, Dato'-dato' Lembaga hanya boleh menyelesaikan kes-kes yang kecil sahaja seperti perkelahian kecil antara

---

[22] A. Caldecott, "Jelebu: Its History and Constitution", dalam Papers on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1912, p. 39.

[23] 'berkelentasan' bermaksud 'luas'.

[24] 'bersekat' bermaksud 'terbatas' yakni terbatas pada sukunya sahaja.

anggota suku, salah faham dan menyiasat serta mengambil tindakan ke atas segala aduan hutang piutang yang berlaku di dalam sukunya. Manakala dalam kes-kes yang besar pula seperti membunuh, Dato'-dato' Lembaga hanya berfungsi sebagai "polis" sahaja - menyiasat, menangkap dan membawa yang bersalah kepada Undang.[25] Di samping itu, Dato'-dato' Lembaga juga berkuasa dan bertanggungjawab dalam soal-soal pembahagian atau pemindahan tanah pusaka di kalangan anggota-anggota sukunya.[26]

Di antara Dato'-dato' Lembaga atau ketua suku yang ada di Jelebu, ada di antara mereka yang mempunyai status yang lebih tinggi. Ketinggian status ini digambarkan melalui kuasa yang ada pada mereka iaitu kuasa untuk melantik Undang. Dato'-dato' Lembaga yang diberi wibawa untuk melantik Undang di Jelebu ini dikenal sebagai "Orang Delapan" atau "Dato' Lembaga yang Lapan".[27] Untuk tujuan penulisan ini, penulis akan menumpukan perhatian kepada Dato' Lembaga yang Lapan ini. Senarai Dato' Lembaga yang Lapan di Jelebu adalah seperti berikut:[28]

---

[25] Nordin Selat, op.cit.

[26] Abdullah Siddik, op.cit., h. 146-8.

[27] Senarai Dato' Lembaga yang Lapan ini dapat dilihat di halaman berikut. Manakala Dato'-dato' lembaga lain yang tidak termasuk di dalam senarai Dato' Lembaga yang Lapan ini ialah: Dato' Amar Penghulu iaitu ketua suku Biduanda, Ulu Klawang (dahulunya termasuk lingkungan Luak Sungai Ujong); Dato' Lela Angsa - Ketua suku Tiga Batu; Dato' Raja Diraja atau Dato' Penghulu - Ketua Waris Sarin 'B' dan Dato' Shahbandar - ketua suku Mungkal Waris di Air (pecahan dari suku Mungkal).

[28] R.G. Swift, op. cit, p. 14, dan Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968, h. 96.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dato' Menteri Shahmangkualam Raja Sehari | - Ketua Waris Menteri | Waris Sasilah | Suku Biduanda |
| 2. | Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela | - Ketua Waris Ombi | | |
| 3. | Dato' Maharaja Inda | - Ketua Waris Kemin | Waris Berundang | |
| 4. | Dato' Raja Balang | - Ketua Waris Ulu Jelebu | | |
| 5. | Dato Paduka Menti | - Ketua Waris Sarin | | |
| 6. | Dato' Chincang Maharaja Lela | - Ketua Suku Tanah Datar | | |
| 7. | Dato' Senara Angsa | - Ketua Suku Batu Belang | | |
| 8. | Dato' Mengiang Merah Bangsa | - Ketua Suku Mungkal | | |

Satu hal yang dapat dipetik dari senarai di atas ialah terdapat lima waris[29] dalam suku Biduanda di Jelebu. Dari lima waris dalam suku Biduanda ini, dua daripadanya adalah merupakan 'Waris Sasilah',[30] manakala tiga yang lainnya adalah merupakan 'Waris Berundang'.[31] Di samping lima waris yang terdapat di dalam suku Biduanda, terdapat pula suku-suku yang datang terus dari Sumatera. Suku-suku tersebut ialah suku Batu Belang, suku Tanah Datar dan suku Mungkal yang mempunyai perwakilan masing-masing dengan gelaran-gelaran seperti yang disenaraikan di atas. Dengan adanya suku-suku yang 'mendatang' ini, maka genap-

---

[29] Apa yang dimaksudkan dengan perkataan waris itu ialah penduduk yang asal (the original inhibitants).

[30] 'Waris Sasilah' adalah merupakan waris (penduduk asal) asli yang tidak ada 'percampuran' (perkahwinan) dengan orang-orang luar.

[31] 'Waris Berundang' pula adalah merupakan waris yang wujud setelah adanya 'percampuran' (perkahwinan dengan orang-orang luar iaitu di antara perempuan asli dengan lelaki dari Minangkabau.).

lah lapan orang Dato' Lembaga yang bernaung di Luak Jelebu.

Waris Sasilah yang terdapat dalam suku Biduanda adalah terdiri dari Waris Menteri dan Waris Ombi. Waris Menteri diketuai oleh Dato' Menteri Shahmangkualam Raja Sehari atau disebut Dato' Menteri sahaja. Sementara Waris Ombi pula diketuai oleh Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela atau disebut Dato' Ombi sahaja. Mengikut peraturan adat di Jelebu, Dato' Menteri dan Dato' Ombi ini tidak berhak untuk menyandang atau menjawat pesaka Undang kerana mereka merupakan waris yang asal di Jelebu. Sekalipun mereka tidak mempunyai hak, tetapi di antara lapan orang Dato' Lembaga yang ada di Jelebu, mereka ini mempunyai kedudukan dan tugas yang penting. A. Caldecott telah menjelaskannya sebagai berikut;

> The Ombi has the right of directing and superintending the election of a new Dato' Penghulu /Undang/ and the Manteri /Sic. Menteri/ the right of confirming or quashing that election... 32

Di samping itu Dato' Menteri juga berhak untuk memangku jawatan Undang sekiranya Undang meninggal dunia dan di waktu memangku jawatan itu segala perintahnya dianggap sebagai sabda.[33]

Sungguhpun demikian, Harvey yang telah melawat Jelebu pada tahun 1884, melaporkan bahawa Waris Ombi adalah merupakan salah satu

---

[32] A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 7.

[33] M. B. Hooker, op. cit., p. 160.

dari waris yang berhak menjawat pesaka Undang.[34] Ini adalah merupakan sesuatu yang anih kerana Waris Ombi adalah waris yang asal bersama-sama dengan Waris Menteri. Sekiranya kenyataan Harvey ini benar, kenapa beliau meletakkan Waris Ombi dan meninggalkan Waris Menteri dalam senarai Waris yang berhak menyandang pesaka Undang? Atas hakikat ini, kenyataan Harvey itu tiadalah dapat diterima. Malah O'Brien yang telah datang melawat Jelebu pada tahun yang sama menegaskan bahawa, "the Datu Umbei /Sic. Dato' Ombi/ cannot become Penghulu /Undang/...".[35]

Manakala Waris Berundang pula adalah terdiri dari Waris Ulu Jelebu, Waris Kemin dan Waris Sarin.[36] Ketiga-tiga waris ini adalah merupakan waris yang berhak untuk menyandang pesaka Undang. Ketiga-tiga waris ini juga dikenali dengan nama 'Waris yang Tiga'. Salah satu dari fungsi utama ketua-ketua 'Waris yang Tiga' itu ialah bertindak sebagai 'jemaah adat' iaitu satu badan yang penting untuk membantu Undang seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Menyentuh tentang suku-suku yang 'mendatang' pula, sekalipun mereka ini tidak mempunyai hak keistimewaan seperti Waris Sasilah dan Waris Berundang, tetapi mereka ini memainkan peranan yang penting dalam

---

[34] "Notes on the Constitution of Jelebu, with a Short Note in English of a Trip to Jelebu", dalam Suratan Harvey, SP 16/2/1, 10 Jun, 1884.

[35] H.A. O'Brien, "Jelebu," dalam JSBRAS, Vol. 14, 1884, p. 341.

[36] Waris Sarin yang dimaksudkan di sini ialah Waris Sarin 'A'. Ini adalah kerana Waris Sarin terbahagi kepada dua iaitu Waris Sarin 'A' dan Waris Sarin 'B'. Pemecahan Waris Sarin ini akan disentuh dengan lebih lanjut dalam bab berikut. Di dalam penulisan ini, Waris Sarin yang dimaksudkan ialah Waris Sarin 'A' kecuali jika ia dinyatakan.

proses perlantikan seseorang Undang.[37]

Kalau dilihat pada tulisan A. Caldecott, beliau menjelaskan bahawa Dato' Lembaga yang Lapan ini dari segi sejarahnya dibentuk selepas Moyang Saleh[38] berjaya memerdekakan Jelebu dari cengkaman Kerajaan Johor pada tahun 1757.[39] Ini bermakna di tahun tersebut ketiga-tiga suku yang 'mendatang' (suku Tanah Datar, suku Batu Belang dan suku Mungkal) sudah ada di Jelebu. Jika diteliti kenyataan A. Caldecott ini memang ada kebenarannya. Ini adalah kerana mengikut J.M. Gullick, dalam jangkamasa 250 tahun iaitu antara kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dengan pembentukan dinasti diraja di Negeri Sembilan, terdapat ramai orang-orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan.[40]

Jawatan Dato' Lembaga yang Lapan yang ada di Jelebu adalah merupakan jawatan atau pesaka bergilir (rotation of office). Ini adalah kerana di dalam suku dan waris terdapat beberapa perut[41] yang boleh mewarisi jawatan atau pesaka tersebut. Berikut adalah senarai suku

---

[37] Hal ini akan disentuh di h. 18-19.

[38] Moyang Saleh ini adalah Undang Jelebu yang pertama.

[39] A. Caldecott, Jelebu: Its History pp.17-8. Perkara mengenai kemerdekaan Jelebu ini akan disentuh dengan lebih lanjut dalam bab berikut.

[40] J.M. Gullick, op. cit., h. 55.

[41] Perut merupakan satu unit kekeluargaan yang mana anggota-anggotanya percaya bahawa mereka berasal dari nenek moyang yang sama. Beberapa perut membentuk suku. Seperti yang dinyatakan, suku juga merupakan satu unit kekeluargaan dan anggota-anggotanya juga percaya bahawa mereka berasal dari nenek moyang yang sama tetapi terlalu jauh untuk disusurgalurkan. Lihat Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1982, h. 29.

Dato'-dato' Lembaga yang Lapan di Jelebu berserta dengan perut-perut yang terdapat di dalamnya mengikut gilir;

1. Waris Menteri

   Perut-perut mengikut gilir: a. Meribong b. Kampung Tengah c. Durian Daun d. Mengkan .

2. Waris Ombi

   Perut-perut mengikut gilir: a. Larong Hulu b. Teriang c. Larong-Hilir

3. Waris Ulu Jelebu

   Perut-perut mengikut gilir: a. Ulu Jelebu b. Chenor

4. Waris Kemin

   Perut-perut mengikut gilir: a. Teriang b. Kemin c. Bemban

5. Waris Sarin

   Perut-perut mengikut gilir: a. Perut Aur Duri b. Peninjau c. Kirim Mudek

6. Suku Batu Belang

   Perut-perut mengikut gilir: Teriang b. Beringin.

7. Suku Mungkal

   Perut-perut mengikut gilir: a. Kampong Bukit b. Danau Selamat c. Bukit Piatu

8. Suku Tanah Datar

   Perut-perut mengikut gilir: a. Tambun b. Kuala Klawang c. Kampong To' Bujang.

Memandangkan jawatan Dato' Lembaga ini merupakan jawatan atau pesaka bergilir, maka tiap-tiap perut akan diberi peluang untuk menjawatnya berdasarkan gilir masing-masing. Misalnya jika Dato' Lembaga dari Waris Menteri yang telah meninggal dunia atau dipecat atau meletakkan jawatan datang dari perut Meribong, maka ia akan digantikan pula oleh

Dato'-dato' Lembaga yang Lapan di Jelebu berserta dengan perut-perut yang terdapat di dalamnya mengikut gilir;

1. Waris Menteri

   Perut-perut mengikut gilir: a. Meribong b. Kampung Tengah c. Durian Daun d. Mengkan .

2. Waris Ombi

   Perut-perut mengikut gilir: a. Larong Hulu b. Teriang c. Larong-Hilir

3. Waris Ulu Jelebu

   Perut-perut mengikut gilir: a. Ulu Jelebu b. Chenor

4. Waris Kemin

   Perut-perut mengikut gilir: a. Teriang b. Kemin c. Bemban

5. Waris Sarin

   Perut-perut mengikut gilir: a. Perut Aur Duri b. Peninjau c. Kirim Mudek

6. Suku Batu Belang

   Perut-perut mengikut gilir: Teriang b. Beringin.

7. Suku Mungkal

   Perut-perut mengikut gilir: a. Kampong Bukit b. Danau Selamat c. Bukit Piatu

8. Suku Tanah Datar

   Perut-perut mengikut gilir: a. Tambun b. Kuala Klawang c. Kampong To' Bujang.

Memandangkan jawatan Dato' Lembaga ini merupakan jawatan atau pesaka bergilir, maka tiap-tiap perut akan diberi peluang untuk menjawatnya berdasarkan gilir masing-masing. Misalnya jika Dato' Lembaga dari Waris Menteri yang telah meninggal dunia atau dipecat atau meletakkan jawatan datang dari perut Meribong, maka ia akan digantikan pula oleh

calon dari perut Kampong Tengah, dan begitulah seterusnya, Tetapi giliran mengikut perut ini ada kalanya diketepikan dan sebaliknya kebolehan seseorang calon yang diutamakan;

> The order of rotation is in principle fixed, but is subject to adjustment, according to the availability of suitable candidates. 42

Dan seperkara lagi yang penting ialah pemilihan Dato'-dato' Lembaga itu adalah berdasarkan kepada konsep 'kebulatan". Konsep kebulatan ini adalah berbeza di antara satu luak dengan satu luak yang lain. Di luak-luak seperti Gunung Pasir, Teraci, Inas, dan Ulu Muar, suara terbanyak sudah cukup untuk menunjukkan kebulatan itu. Tetapi di Jelebu, kebulatan bermaksud semua buapak (ketua-ketua perut) bersetuju dengan seseorang calon. Setelah seseorang Dato' Lembaga itu dilantik, maka perlantikannya itu mestilah disahkan oleh Undang.[43]

Menyentuh tentang tugas Dato' Lembaga yang Lapan, antara tugasnya yang penting ialah melantik Undang, 'bulat lembaga membentuk Undang.' Sebenarnya ada beberapa sejarawan yang telah menyentuh tentang tugas Dato' Lembaga yang Lapan di dalam melantik Undang.[44] Untuk memahami tentang tugasnya ini, maka kematian seseorang Undang akan dijadikan sebagai titik tolak untuk penghuraian. Apabila seseorang Undang meninggal

---

[42] M.G. Swift, op. cit., p. 17.

[43] Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 72.

[44] Antaranya ialah J.M. Gullick, "The Election of an Undang of Jelebu", dalam MAN, Vol. 46, Sept.-Oct. 1946, pp.122-5 dan M.B. Hooker, op.cit., pp. 160-2.

dunia, maka jawatan atau pesaka Undang dipangku oleh Dato' Menteri.[45]

Dalam pada itu, usaha-usaha untuk memilih Undang yang baru terpaksalah dijalankan. Menurut adat, apabila mati sahaja seseorang Undang, maka Dato'-dato' Lembaga yang terdiri dari 'orang-orang dagang' iaitu Dato' Mengiang, Dato' Chinchang dan Dato' Senara Angsa[46] adalah berkewajiban untuk memohon kepada Dato' Menteri sebagai Pemangku Undang untuk mencari pengganti Undang yang baru. Ini adalah bersesuaian dengan perbilangan, "Kata bercari kepada Lembaga yang Tiga, iaitu Dato' Mengiang. Dato' Chinchang, Dato' Senara Angsa."[47]

Dengan adanya permohonan itu, maka Dato' Menteri akan menyerahkan tugas untuk mencari pengganti Undang ini kepada Dato' Ombi. Dato' Ombi kemudiannya akan memanggil ketua-ketua 'Waris yang Tiga' atau 'Waris Berundang' dan seterusnya menyerahkan soal mencari pengganti Undang ini kepada ketua waris yang menyambut gilir Undang. Misalnya jika pengganti Undang pada kali itu gilirnya jatuh kepada waris Kemin, maka ketua waris Kemin iaitu Dato' Maharaja Inda akan ditugaskan untuk mencari calon Undang yang baru ini. Dalam menjalankan tugasnya ini,

---

[45] M.B. Hooker, op. cit., p. 160.

[46] Dato' Mengiang, Dato' Chinchang dan Dato' Senara Angsa ini dikenali juga dengan nama 'Lembaga yang Tiga'.

[47] A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 39.

maka Dato' Maharaja Inda akan mengumpulkan buapak-buapak atau ketua-ketua perut yang terdapat di warisnya itu (waris Kemin) dan setiap buapak diberi peluang untuk mengemukakan calon dari kalangan anggota-anggota perutnya.[48] Ini bermakna jumlah calon yang dikemukakan itu selalunya lebih dari seorang.

Nama calon-calon Undang itu pula kemudiannya akan dirujukkan oleh Dato' Maharaja Inda kepada dua orang ketua waris Berundang yang lain iaitu Dato' Raja Balang dan Dato' Paduka Menteri untuk pengesahan. Seterusnya nama calon-calon itu diserahkan kepada Dato' Ombi dan Dato' Ombi akan menilai calon-calon tersebut dari segi hak dan pesaka, iaitu adakah calon itu datang dari keturunan yang benar-benar layak untuk menjadi Undang tanpa ada sebarang cacat celanya. Dalam menilai calon ini, Dato' Ombi adalah dibantu oleh buapak-buapak yang terdapat dalam warisnya iaitu waris Ombi. Dan sekiranya di dalam penilaian tersebut didapati ada di antara calon-calon itu yang tidak layak dari segi hak dan pesaka, maka nama calon itu akan digugurkan.[49] Setelah Dato' Ombi menilai calon-calon tersebut dari segi hak dan pesaka, maka nama-nama calon itu akan diserahkannya kepada Dato' Menteri. Dato' Menteri dengan dibantu oleh 'Lembaga yang Tiga' iaitu Dato' Mengiang, Dato' Senara Angsa dan Dato' Chinchang akan menilai pula calon-calon itu dari segi adat, iaitu adakah calon-calon itu benar-benar layak seperti yang dikehendaki adat, tidak pernah melanggar hukum adat dan agama seperti

---

[48] J.M. Gullick, The Election of an Undang, p. 104.

[49] Misalnya pada 12 Dis. 1979, Dato' Ombi telah menggugurkan salah seorang calon waris Sarin yang dikemukakan oleh Dato' Paduka Menti - kerana mencaci Undang sebelum itu. Lihat Lampiran 12

kahwin sesuku dan berzina.

Jadi dapatlah dikatakan bahawa Dato' Ombi menilai calon dari segi hak dan pesaka, manakala Dato' Menteri pula menilainya dari segi adat.[50] Ini adalah bersesuaian dengan perbilangan berikut;

> Tali adat kepada Menteri; tali pesaka kepada Ombi
> Bila rosak pesaka bertengok kepada Dato' Ombi
> Bila rosak adat bertengok kepada Dato' Menteri.[51]

Dalam langkah seterusnya iaitu setelah Dato' Menteri menilai calon tersebut, maka Dato' Menteri hendaklah melantik salah seorang dari calon-calon tersebut.

Walau bagaimanapun dalam melantik salah seorang daripada calon-calon yang dikemukakan kepadanya, keputusan Dato' Menteri itu adalah berasaskan kepada 'kebulatan' atau 'unaniminity', seperti kata perbilangan, "pertama mencabut, kedua bertanam, sah sekata, kebulatan Dato'-dato' yang Lapan."[52] Ini bermakna calon yang dilantik oleh Dato' Menteri itu mestilah dipersetujui oleh kesemua Dato'-dato' Lembaga yang Lapan. Sekiranya salah seorang daripada Dato' Lembaga yang Lapan ini tidak mempersetujuinya, maka perlantikan Undang ituadalah tidak sah. Pendek-kata, Dato' Menteri tidak boleh melantik seseorang Undang itu sewenang-wenangnya sekalipun beliau mempunyai kuasa untuk melantik.

---

[50] Penilaian terhadap calon-calon ini akan disentuh dengan lebih lanjut dalam bab berikut.

[51] A. Caldecott, Jelebu: Its History, pp. 39-40.

[52] Ibid.

Sebaliknya jika Dato' Menteri mendapati bahawa tidak ada seorang pun calon Undang yang dikemukakan kepadanya layak dari segi adat, maka ia hendaklah 'memulangkan' semula calon-calon tersebut kepada Dato' Ombi. Dan Dato' Ombi akan mengarahkan semula ketua waris yang menyambut gilir Undang supaya mencari calon yang lain. Sekiranya waris yang menerima gilir itu tidak dapat memilih calon lain, maka ia hendaklah menyerahkan soal ini kepada Dato' Menteri, "bulat menjadikan, tak bulat menyerah".[53] Dalam hal seperti ini, Dato' Menteri berhak untuk melantik seorang calon yang dikehendakinya dan calon itu mestilah juga dari waris yang menerima gilir Undang. Walau bagaimanapun, Undang yang hendak dilantik oleh Dato' Menteri itu mestilah juga berasaskan kepada 'kebulatan' Dato'-dato' Lembaga yang Lapan.[54]

Jadi dapatlah dikatakan bahawa adat telah menyusun aturan perlantikan Undang itu sedemikian rupa dan juga telah dilihat betapa adat mementingkan kebulatan Dato'-dato' Lembaga yang Lapan di dalam melantik seseorang Undang. Juga dapatlah dikatakan bahawa setiap Dato'-dato' Lembaga yang Lapan itu mempunyai tugas dan fungsi-fungsi tertentu di dalam proses perlantikan Undang dan setiap mereka juga sering memerlukan di antara satu sama lain. Misalnya, Dato' Menteri tidak dapat mengarahkan Dato' Ombi untuk mencari pengganti Undang yang baru tanpa adanya 'permohonan' untuk berbuat demikian dari 'Lembaga yang Tiga-'. Dato' Ombi pula tidak dapat untuk mengarahkan ketua waris yang menerima gilir Undang tanpa adanya arahan dari Dato' Menteri dan demikianlah seterusnya.

---

[53] Temuramah, Abdul Ghani Shamaruddin, Mengkan, Jelebu, 25 Sept. 1984.

[54] M,B, Hooker, op. cit., pp. 160-1

Di samping berperanan untuk melantik Undang, Dato'-dato' Lembaga yang Lapan ini juga bertanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian suku atau warisnya. Ini adalah selari dengan kedudukannya sebagai ketua suku atau ketua waris. Dato'-dato' Lembaga ini tidak boleh cuai dalam menjalankan tugasnya serta tidak boleh melampaui batasan kuasa Undang. Kesalahan-kesalahan seperti ini dianggap berat dan Undang dengan dibantu oleh 'jemaah adat' boleh memecatnya. Sebaliknya jika Undang pula yang cuai dan berkelakuan sumbang, maka Dato' Lembaga yang Lapan pula yang berhak untuk memecatnya, "bulat Lembaga boleh menjadikan dan memecat Undang."[55]

Memandangkan Dato' Lembaga yang Lapan ini dilantik oleh buapak atau ketua perut, maka penulis akan menyentuh sedikit tentang institusi tersebut. Perlu diingat bahawa banyaknya buapak dalam sesuatu suku adalah bergantung kepada banyaknya jumlah perut yang terdapat di dalam sesuatu suku. Di dalam suku Tanah Datar misalnya terdapat empat perut dan ini juga bermakna terdapat empat buapak yang mengetuainya. Masing-masing buapak ini mempunyai gelaran mereka masing-masing.[56] Jawatan buapak ini bukanlah pesaka bergilir dan ini bermakna jawatan buapak ini adalah tetap di dalam sesuatu perut itu sahaja. Seseorang buapak adalah dipilih dengan kebulatan dari kalangan anggota perutnya yang dewasa, dan setelah kebulatan itu dicapai maka pemilihannya itu hendaklah di-

---

[55] Nordin Selat, op. cit., h. 73-4.

[56] Untuk mengetahui tentang gelaran-gelaran buapak dalam setiap suku atau waris yang terdapat di Jelebu bererta dengan nama-nama penyandangnya, sila rujuk A. Caldecott, Jelebu: Its History, pp.43-7, dan juga M.B. Hooker, 'The Relationship Between The Adat and State Constitution of Negri Sembilan', dalam JMBRAS, Vol.42, Pt.2, 1969, pp.158-60.

sahkan oleh Dato' Lembaga dan seterusnya dipersembahkan kepada Undang.

Sebenarnya perkataan buapak adalah kata gembelingan dari perkataan ibu dan bapa, dengan ini buapak memainkan peranan sebagai ibu dan bapa kepada anggota-anggota perutnya. Jadi, buapak hendaklah sentiasa mengambil berat tentang kesejahteraan dan kebajikan kesemua anggota-anggota yang ada di dalam perutnya. Bagi buapak-buapak yang berada dalam "Waris Berundang" pula, mereka berkewajiban untuk mengemukakan calon Undang kepada ketua warisnya.

iii. *Institusi Yamtuan Jelebu*

Satu lagi institusi yang wujud di dalam sistem politik tradisional Jelebu ialah institusi Yamtuan Jelebu. Institusi Yamtuan Jelebu ini diwujudkan semasa pemerintahan Dato' Bukur iaitu Undang Jelebu yang kedua. Walau bagaimanapun institusi ini kemudiannya telah dimansuhkan semasa pemerintahan Dato' Syed Ali Al Jafri iaitu Undang Jelebu yang kesebelas. Pemansuhan ini dibuat berikutan dengan wujudnya persaingan kuasa di antara Undang dengan Yamtuan yang mana persaingan ini telah menjejaskan keharmonian Jelebu. Pemansuhan institusi Yamtuan Jelebu ini dilakukan pada tahun 1886.

Kebanyakan penulis-penulis sejarah menyatakan bahawa institusi Yamtuan Jelebu wujud hasil dari keinginan penduduk Jelebu untuk bernaung di bawah seorang pemerintah berdarah raja.[57] Tetapi O'Brien telah

---

[57] Antaranya termasuklah A. Caldecott, Jelebu: Its History, p.20, Abdul Samad Idris, op.cit., h.108, dan Martin Lister, "The Negri Sembilan: Their Origin and Constitution", dalam JSBRAS, No.19, 1887, p.42.

memberi alasan yang berlainan;[58]

> At length the Yamtuan of Sri Menanti, who had a number of sons, sent one of them to Jelebu, merely to take up his abode there and till the ground.

Jadi bagi O'Brien, bukanlah penduduk Jelebu yang mahukan seorang pemerintah berdarah raja tetapi atas inisiatif Yamtuan Sri Menanti[59] sendiri yang telah menghantar salah seorang dari anak lelakinya ke Jelebu bagi menanamkan pengaruhnya di sana. Malangnya O"Brien tidak menyatakan siapakah anak Yamtuan Sri Menanti yang dimaksudkannya itu. Tetapi menurut A. Caldecott[60] dan Abdul Samad Idris,[61] orang yang dihantar ke Jelebu itu ialah adik Yamtuan Sri Menanti yang bernama Raja Adil dan bukannya anak beliau seperti yang didakwa oleh O'Brien. Pendapat A. Caldecott dan Abdul Samad Idris ini mungkin benar kerana dari sumber-sumber sejarah yang ada menyatakan bahawa Raja Melewar mempunyai dua orang anak sahaja iaitu seorang puteri dan seorang putera.[62]

---

[58] O'Brien, op. cit., p. 338.

[59] Yamtuan Sri Menanti yang dimaksudkan itu ialah Raja Melewar Istilah ini adalah merujuk kepada tempat tinggal Yamtuan itu sendiri iaitu di Sri Menanti (salah sebuah dari 12 daerah di Negeri Sembilan).

[60] A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 20.

[61] Abdul Samad Idris, op. cit., h. 108.

[62] Yang puteri bernama Tengku Aishah dan yang putera bernama Tengku Totok. Anak-anak itu lahir hasil dari perkongsian Raja Melewar dengan Encc Sari iaitu anak perempuan Dato' Penghulu Luak Muar. Lihat Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negri Sembilan, Malay Co-op Printing Society, Seremban, 1961, h. 28.

Jadi adik Raja Melewar iaitu Raja Adil telah pergi ke Jelebu untuk menjadi Yamtuan di sana. Di Jelebu, beliau telah menetap di Pita Serambai iaitu di Ulu Klawang. Walau bagaimanapun Raja Adil dan beberapa orang penggantinya yang terdiri dari anaknya sendiri iaitu Raja Singkul dan Raja Asil tidak pernah ditabalkan sebagai Yamtuan Jelebu sekalipun mereka dikatakan tinggal atau menetap di Pita Serambai. Kenapa keadaan sedemikian berlaku adalah sukar untuk dipastikan kerana sumber-sumber tempatan tidak ada menerangkan tentang diri mereka. Walau bagaiamanpun adalah dipercayai bahawa Raja Adil, Raja Singkul dan Raja Asil itu adalah tokoh-tokoh yang terkenal di dalam Sejarah Rembau, kerana itu tidaklah mungkin mereka dapat tinggal lama di Jelebu.[63]

Meskipun demikian, seperkara yang nyata ialah anak Raja Singkul bernama Tengku Ahmad Shah atau Tengku Sabun (digelar Almarhum Keramat setelah ia mangkat) adalah raja yang pertama sekali ditabalkan oleh Undang dan Dato'-dato' Lembaga sebagai Yamtuan Jelebu. Newbold yang pernah melawat Jelebu ada mencatitkan tentang Tengku Sabun ini;

> Jellabu /Sic Jelebu/ has been taken possession of by the descendants of the Menangkabowe princes, and is now ruled by an Eng-depertuan /Sic. Yamtuan/ named Rajah Sabun ... This chief is looked upon by the superstitious Malays, as a living Kramet, from the circumstance of his having "white", or very light blue eyes, with jet black hair.[64]

---

[63] A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 20.

[64] T.J. Newbold, Political and Statistical Accounts of the British Settlements in the Straits of Malacca, Vol. 2, John Murray, London, 1839, p. 152.

Sebenarnya sumber-sumber tempatan tidak ada menerangkan bilakah Tengku Sabun ini ditabalkan sebagai Yamtuan Jelebu. Tetapi Newbold ada mencatitkan nama Undang yang memerintah semasa Tengku Sabun itu menjadi Yamtuan. Newbold menjelaskannya sebagai berikut,"Penghulu /Undang/ yang memerintah sekarang bernama Abdur Rahman; dan beliau memakai gelaran Akhir Zaman /Sic. Akhirul Zaman/".[65] Mungkin Abdur Rahman yang dimaksudkan oleh Newbold itu ialah Dato' Deraman iaitu Undang Jelebu yang keenam.

Tetapi A. Caldecott yang menulis tentang catatan oleh Newbold ini menjelaskan bahawa Tengku Sabun ini besar kemungkinannya ditabalkan semasa Undang Jelebu yang ketujuh yang bernama Durongga atau Dato' Gila.[66] Mungkin kerana kegilaannya itulah yang menyebabkan Dato'-dato' Lembaga menjadikan Tengku Sabun sebagai pemerintah agong mereka. Tengku Sabun itu pula dikatakan mempunyai banyak keistimewaannya iaitu mengasihi rakyat, berkebolehan untuk memerintah dan mengamankan negeri, bijaksana dan mempunyai peribadi yang tegoh. Di samping itu tenaga Tengku Sabun diperlukan untuk mengamankan Jelebu akibat dari kekacauan yang ditimbulkan oleh Raja Inisan.[67] Kalau demikianlah halnya, maka ini bermakna

---

[65] Ibid.

[66] A. Caldecott, Jelebu: Its History, p. 20

[67] Raja Inisan ini adalah anak kepada Raja Adil dengan isterinya yang kedua. Ini bermakna beliau adalah pangkat bapa saudara kepada Tengku Sabun. Lihat Lampiran 2.

Tengku Sabun itu ditabalkan di masa Dato' Durongga atau Dato' Gila dan bukannya semasa Dato' Deraman.

Tengku Sabun ini kemudiannya telah digantikan oleh anaknya Tengku Jaya. Jawatan Yamtuan Jelebu ini dipegang silih berganti oleh keturunan Tengku Sabun sehinggalah institusi itu dihapuskan pada tahun 1886. (Salasilah tentang keturunan Yamtuan Jelebu ini dapat dilihat di Lampiran 2 ).

Institusi Yamtuan Jelebu seperti juga institusi Yamtuan Sri Menanti adalah berada di struktur politik yang tertinggi sekali tetapi bidang kuasanya adalah amat terhad. Ia hanyalah menjadi lambang keadilan dan fungsi utamanya ialah untuk memelihara perpaduan rakyat. Ini adalah kerana perbilangan adat telah menetapkan, "Adapun raja itu tiada bernegeri dan tiada mencukai kharajat, melainkan berkeadilan sahaja; serta pemakanannya duit sesuku, beras segantang, nyiur setali."[68] Maksudnya ialah raja itu bukan pemilik negeri dan tidak boleh mengutip cukai. Sebaliknya baginda hanyalah punca pengadilan iaitu tempat di mana hamba rakyat mengadu. Dengan kata lain, Yamtuan ini mempunyai taraf yang sama seperti Presiden, dan baginda tidak boleh mencampuri hal ehwal luak Jelebu.

Jadi dapatlah dikatakan bahawa Adat Perpatih telah mengatur kehidupan masyarakat agar wujud kehidupan yang harmoni seperti yang di-

---

[68] Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 58.

cita-citakan oleh setiap manusia. Setiap pemimpin itu nampaknya telah ditetapkan tentang peranan dan bidang tugas mereka masing-masing;

Raja menobat di dalam alam,

Penghulu menobat di dalam luak,

Lembaga menobat di dalam lingkungannya,

Buapak menobat pada anak buahnya.

Tetapi pada hakikatnya, adakah semua peranan dan tugas seperti yang digariskan oleh adat itu benar-benar dipatuhi? Persoalan ini akan dapat kita lihat di bab keempat nanti.

## Daftar Sijil Digital

Masukkan Maklumat Berikut.

| | |
|---|---|
| Nama: | MEK YAH BT MAT ZIN |
| No. Pengenalan: | 501104035036 |
| | ◉ No. K/P Baru ○ No. Polis<br>○ No. Tentera ○ No. Pasport |
| No. Rujukan Cukai: | SG 00357775091 |
| Tarikh Lahir: | 04 / 11 / 1950<br>Hari Bulan Tahun |
| ☐ Alamat Luar Negara | |
| Alamat: | NO 24, LORONG 4/1A,<br>SERDANG JAYA, |
| Poskod: | 43300 |
| Bandar: | SERI KEMBANGAN |
| Negeri: | Selangor |
| No. Telefon (Rumah): | |
| No. Telefon (Pejabat): | |
| E-mel: | |
| No. Siri Slip: | A0274380 |
| No. Pin Slip: | 8784 - 5983 - 1879 - 2540 |
| Petunjuk Kata Laluan: | Apakah nama ibu anda? |
| Jawapan: | MARIAM |

# BIBLIOGRAFI

## SUMBER UTAMA

Minit Mesyuarat Khas Dato'-dato' Lembaga, Bilangan (32) dalam Pejabat Daerah Jelebu 087/1/3.

"Notes on the Constitution of Jelebu, With a Short Note In English of a Trip to Jelebu", Suratan Harvey, SP 16/2/1, 10 Jun 1884.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972.

"Report of the Federation of Malaya Constitution Commission", Government Printer, Kuala Lumpur, 1957.

The Federation of Malaya Agreement, Government Press, Kuala Lumpur, 1948.

The Negeri Sembilan Agreement 1948 and Constitution, Government Press, 1952.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1959.

"Wishes to Bail Hassan and Khatib who were Detained by the Court", Negeri Sembilan Secretariat Files, MISC 1443/1895.

SUMBER KEDUA

Abdullah Ayub, Cara Pemerintahan Tanah Melayu (1957-1963), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Abdul Ghani Shamaruddin, "Undang Luak Jelebu : Adat Pertabalan", Bahasa, Vol. 2, No. 1, 1959.

_____, "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk Lain Ikan", Dewan Masyarakat, Mac 1964.

_____, "Sekali Air Bah Sekali Tanjung Berubah", Dewan Masyarakat, Februari 1983.

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Malay Co-op Printing Society, Seremban, 1968.

Adil, Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Kuala Lumpur, April 1981.

Allen, J. de V., The Malayan Union, Yale University, New Haven, 1967.

Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.

Caldecott, A., "Jelebu Customary Songs and Sayings", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 78, 1918.

_____, "Jelebu: Its History and Constitution", Papers on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1912.

Cenderamata Istiadat Tabal Ke Bawah Kaus Y.A.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Abu Bakar bin Maamor, Chang Litho Press, Seremban, 1981.

Cenderamata Istiadat Tabal Ke Bawah Kaus Y.A.M. Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Musa bin Wahab, Percitakan Negeri, Seremban, 1981.

Cowan, C.D., Tanah Melayu Kurun Kesembilanbelas : Asal Usul Penguasaan Politik British, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.

Gibson-Hill, C.A.,"Notes on the Series "Papers on Malay Subjects", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 25, Part 1, 1952.

Gullick, J.M., "Law and the Adat Perpateh : A Problem from Jelebu", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 54, Part 1, June 1981.

_____,Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

_____, "The Election of An Undang of Jelebu", Man, Vol. 46, September-October 1946.

Hooker, M.B., Adat Laws In Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.

_____, "The Relationship Between the Adat and State Constitution of Negri Sembilan", Journal of the Malayan Branch of theRoyal Asiatic Society, Vol. 42, Part 2, 1969.

Ibrahim Mustafa, "Jelebu dalam Sejarah", Warisan, Bilangan 7, 1982/1983.

_____, "Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan", Warisan, 1981.

Josselin De Jong, P.E. De, Minangkabau and Negri Sembilan : Social Political Structure In Indonesia, Bhratara, Djakarta, 1960.

Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.

Lister, M., "Malay Law in Negri Sembilan", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No.22, June 1890.

_____,"The Negri Sembilan : Their Origin and Constitution", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 19, 1887.

Loh Fook Seng, Philip, The Malay States 1877-1895 : Political Change and Social Policy, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969.

Maxwell, W.G., and Gibson, W.S., Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo, Truscott and Sons Ltd., London, 1924.

Milne, R.S., dan Mauzy, D.K., Politik Kerajaan Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

Mohamed Suffian Hashim, Mengenal Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

Mohd. Din Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol. 2, No. 2, 1964.

Mohd. Salleh Abas, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Sejarah Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

Mohtar H. Md. Dom, Malaysian Customary Laws and Usage, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1979.

Nathan, J.E., and Winstedt, R.O., "Johol-Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunong Pasir and Terachi : Their and Constitution", dalam Papers on Malay Subject, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

Newbold, T.J., British Settlements in the Straits of Malacca, Vol.2, John Murray, London, 1839.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1982.

O'Brien, H.A., "Jelebu", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 14, 1884.

Parr, C.W.C., and Mackray, W.H., "Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Custom", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 56, 1910.

Roff, W.R., Nasionalisma Melayu, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Sadka, Emily, The Protected Malay States 1874-1895, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.

Sheehan, J.J., dan Abdul Aziz Khamis, "Adat Kuala Pilah", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 14, No. 3, 1936.

Sidhu, Jagjit Singh, Administration in the Federated Malay States 1896-1920, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980.

Stockwell, A.J., "British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment", The Malaysia Branch of of the Royal Asiatic Society, Monograph No. 8, Kuala Lumpur, 1979.

Swift, M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, The Athlone Press, University of London, London, 1965.

UMNO 20 Tahun, Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Kuala Lumpur, 1966.

Wilkinson, R.J., "Notes on the Negri Sembilan", Papers on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1911.

Wintedt, R.O., "Negeri Sembilan : The History, Polity and Beliefs of the Nine States", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 12, October 1934.

_____,"Richard James Wilkinson (1867-5 December 1941)", Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 20, Part 1, 1947.

Wu Min Aun, Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1982.

## LATIHAN ILMIAH/TISIS

Abdul Kahar Bador, "Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays", (M.A. Tisis, University of London, London, 1963).

Noraini Talib, "Institusi Undang Luak Johol", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978/79).

## KERTAS KERJA

Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Belia Negeri Sembilan pada 10-12 April, 1974.

Nordin Selat, "Pemimpin Dalam Adat Perpatih", Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Anjuran Belia Negeri Sembilan pada 10-12 April, 1974.

Zulkepley Dahalan, "Konflik Dalam Pemilihan Ketua Adat", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan Anjuran Bersama Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 3-5 Mei 1984.

## TRANSKRIPSI SEJARAH LISAN

"Krisis Perlantikan Undang Jelebu 1980", Transkripsi Sejarah Lisan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1983/84.

## AKHBAR

Berita Harian, 8.2.1980

Utusan Malaysia, 21.11.1979

_____, 5.2.1980

Utusan Malaysia, 6.2.1980

_____, 7.2.1980

Utusan Melayu, 31.5.1980

RESPONDEN YANG DIWAWANCARA

1. Nama : Abdul Ghani Shamaruddin
   Alamat : Balai Mengkan, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Umur : 58 tahun
   Tarikh Wawancara : 25hb. dan 28hb. September 1984.
   Kaitan Responden Dengan Kajian: Beliau merupakan Dato' Ombi di-luak Jelebu dan mula memegang jawatan tersebut setelah Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus dipecat. Beliau juga merupakan seorang yang dianggap 'pakar' dalam hal-ehwal adat dan banyak menghasilkan artikel-artikel berhubung dengan adat yang di-pakai di Negeri Sembilan.

2. Nama : Ahmad bin Abu
   Alamat : Kampung Kemin, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Umur : 60 tahun
   Tarikh Wawancara : 22hb. Februari 1985.
   Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Cincang dan salah seorang dari Dato' Lembaga Lapan yang me-nentang perlantikan Dato' Musa sebagai Undang Luak Jelebu.

3. Nama; Ismail bin Kassim
   Alamat : Istana Hinggap, Seremban, Negeri Sembilan.
   Umur : 60 tahun
   Tarikh Wawancara : 4hb. Januari 1985.
   Kaitan Responden Dengan Kajian: Beliau merupakan Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang me-rangkap Setiausaha Sulit Yang Di-Pertuan Besar. Sebagai Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang, beliau turut memainkan peranan yang pen-ting dalam peristiwa krisis per-lantikan Undang Jelebu 1980.

4. Nama : Kecik bin Kiman
   Alamat : Kampung Jelin, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Umur : 70 tahun

Tarikh Wawancara : 21 Februari 1985.

Kaitan Responden Dengan Kajian: Beliau memegang jawatan Dato' Raja Diraja dan memainkan peranan yang penting dalam menuntut jawatan Undang di-Jelebu pada tahun 1980.

5. Nama : Musa bin Wahab

Umur : 47 tahun

Alamat : Balai Undang Luak Jelebu, Kuala Klawang, Jelebu.

Tarikh Wawancara : 25 September 1984.

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan Undang Luak Jelebu yang ada sekarang ini. Perlantikan beliau sebagai Undang Luak Jelebu telah di-tentang oleh tujuh orang Dato'-dato Lembaga yang Lapan.

6. Nama : Raja Sirajudin bin Raja Jaafar

Umur : 57 tahun

Alamat : Kampung Peradong, Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh Wawancara : 21 Februari 1985.

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan abang ipar kepada Dato' Musa bin Wahab iaitu Undang Jelebu sekarang. Beliau turut memainkan peranan dalam menuntut jawatan Undang di Jelebu pada tahun 1980.

7. Nama : Sulaiman bin Abdul Ghani

Umur : 80 tahun

Alamat : Kampung Simpang Gelami, Peradong, Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh Wawancara : 21 Februari 1985.

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Paduka Menti iaitu Ketua Waris Sarin 'A'. Beliau juga merupakan salah seorang dari Dato' Lembaga yang Lapan yang menentang perlantikan Dato' Musa bin Wahab sebagai Undang Luak Jelebu.

8. Nama : Syed Idrus bin Syed Muhammad
   Umur : 58 tahun
   Alamat : Balai Tunku Besar Tampin, Tampin, Negeri Sembilan.
   Tarikh Wawancara : 1hb. Mac 1985
   Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan Tunku Besar Tampin dan salah seorang dari ahli Dewan Keadilan dan Undang.

9. Nama : Syed Ismail bin Syed Ali
   Umur : 68 tahun
   Alamat : Kampung Jelin, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
   Tarikh Wawancara : 22hb. dan 23hb. Februari 1985
   Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Raja Balang iaitu seorang ketua 'Waris Berundang' di Jelebu. Beliau turut menentang perlantikan Dato' Musa sebagai Undang Luak Jelebu.

10. Nama : Syed Zin bin Syed Hussin
    Umur : 70 tahun
    Alamat : Kampung Tampin Tengah, Tampin, Negeri Sembilan.
    Tarikh Wawancara : 7hb. Oktober 1984 dan 7hb. Februari 1985
    Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan salah seorang calon Undang yang dikemukakan oleh Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus kepada Dato' Menteri Othman bin Baginda. Pada 31hb. Disember 1980, ketujuh-tujuh orang Dato' Lembaga yang menentang perlantikan Dato' Musa bin Wahab telah melantik beliau (Syed Zin) sebagai Undang dan menganggap Syed Zin ini sebagai 'Undang Adat'.

11. Nama : Ujang bin Mohar

Umur : 78 tahun

Alamat : Kampung Kampai, Jelebu, Negeri Sembilan.

Tarikh Wawancara : 15hb. November 1984

Kaitan Responden Dengan Kajian : Beliau merupakan bekas Dato' Cincang yang berkhidmat semasa Haji Abu Bakar Maamor menjadi Undang Luak Jelebu. Sebagai salah seorang bekas Dato' Lembaga, beliau mengambil berat tentang peristiwa krisis perlantikan Undang Jelebu 1980.

LAMPIRAN 1a




DAERAH-DAERAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN

LAMPIRAN 1 b




DAERAH JELEBU

LAMPIRAN 2

## Salasilah Yamtuan Jelebu




(Sumber: Haji Buyong Adil, op. cit., b. 25)

LAMPIRAN 3 a





فرجنجين دانا يقدم فرتوان دسريمنتي دغن اندغ يغامغة

1 ديوا دغن ستكوه يت يغدم فرتوان اندغ يغامغة فرتوان انت نا معوديات صاوه موحنوبن انا اندغ يغامغة
وتيام واتو تيلان فرتوه اندغ ريسوتي موجه كدواداه اسدوبلا مستة باحرا ارمان صاوه ن حاد وتيلاه واتو جوه من نمدا اون ليلا فرتوه توسيت وان جوه
زان كاستة فرتوه اسدي داج دسوكل اداه يغامغة يغ انا غ يغامغة يغ لم توان ميسيه بن تلامه كوبي فرتوان عادة تاكي وان نف الاعتاد فرتوه اوا
اوه تغوه اجيان وه هولوكا الايانة

2 اندغ يغامغة يغ سكل اتكب اليانة يغامغة معاديد يغ انا جاديد داج دوم تاكي ليه ان ماه ان مغيكيغ فرتوان اخلوه فرتوه اوا اجيان يغ تغوه

3 اذغون دريعاليت تغده دريعان وه دم تكوب ليه ان اوه تكوه دم الوان فرتوه هولوان بيا مواليت تجمه وبي وه يعا الفرتوه اغن عادة تاكوب الو
حكم شرعيه يغكيغ اوه يغبرلاكوه دم الوانغن دسريغ وهاسب اوي وغن بوست انه غن فرتوان موبتش ميسيه بن تاكوبي ميسيه ان بيا اوكه مدغ غن بغدبيت.

4 جيغكاه يغ يغكيغ فرسيد من واتارا اندغ وغن اندغ يغ يانة دريعاليت غن الوانغ يغ يكاسيه ان اندغ يغ ايه وانة مغاوه بيت تكوكه ما اوه بيا
بيت يتجمه وبي سن مغعوا اوكن دريعاليت انت اتيجيه فه اوي اندغ يغامغة اتوه ميسيه وه دم الفريسا اندغ يغامغة يغ وانة مغه وفرمغاوه وكن حاد الو
وغن دموغ يغ يا الله اوكوبيت تريم اكن نغاغون سوبكات.

5 دان اكسيه وه دارا اي يغدم وا وه دم الفرتوان بغ جوان يغ يا الله اندغ يغامغة يغ مغاوه بيت وه دم الستان ميسيه ميستي ميلين كن جوا
وفرتوان اوه تزالفرتوه وه دم الوانغن مسايغ ه اكستا يغ حكوبيت مسواه اسسواه فاجاد ان فرسيغ يغ يكيغ كه جوبن سسه تكوجاديت فرسيا اكن اندغ يغامغة
هندقا اوه اندغ يغامغة جيغ ناكن دريعاليت.

6 جيك يغدم فرتوان اتيغ مغدبيه كن جاد وسيا اندغ يغامغة يغ اتوه ميسيه من اسس ماه ان القدم بيسيغ وه اكه سزة واة اسس ماه ان

7 تمهلان هندقا اندغ يغامغة يغ فرتوان وان وه دم الفرتوان ميسيه وه دم الفرتوان وه طابنكان جاديد يغ فرتوان مغيكيغ يغ كمان
ملتمادة فرتوان سطابنكان يغدم فرتوان يغدم وا يغ جه زه يغكيغ اوي

# AGREEMENT BETWEEN HIS MAJESTY'S GOVERNMENT WITHIN THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND AND THE STATE OF NEGRI SEMBILAN.

WHEREAS mutual agreements subsist between His Britannic Majesty and His Highness the Yang di-pertuan Besar and the Rulers of the States which form the territory known as the Negri Sembilan:

AND WHEREAS it is expedient to provide for the constitutional development of the Malay States under the protection of His Majesty and for the future government of the State of Negri Sembilan:

IT IS HEREBY AGREED between Sir Harold MacMichael, G.C.M.G., D.S.O., the Special Representative of His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland on behalf of His Majesty and His Highness Tuanku Abdul Rahman, K.C.M.G., ibni al-Marhum Yam Tuan Muhammad the Yang di-pertuan Besar and the Rulers of the States which form the territory known as the Negri Sembilan for themselves, their heirs and successors:-

1. His Highness the Yang di-pertuan Besar and the Rulers of the States forming the territory of the Negri Sembilan agree that His Majesty shall have full power and jurisdiction within the State of Negri Sembilan.

2. Save in so far as the subsisting agreements are inconsistent with this Agreement or with such future constitutional arrangements for Malaya as may be approved by His Majesty, the said agreements shall remain of full force and effect.

Signed this 14 day of November 1945.

(Sgd) H.A.MacMichael
Special Representative of His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.

Witnessed by:-
(Sgd) H.T.Bourdillon

(Sgd) Abdul Rahman
His Highness the Yang di-pertuan Besar.

Witnessed by:-
(Sgd) Tunku Nasir

(Sgd.) in Arabic
The Dato Klana Petra of
Sungei Ujong.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Ja'afar

(Sgd.) Shahmaruddin
The Dato Penghulu of Jelebu,
Mendika Mentri Akhirzaman

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Hussain

(Sgd.) in Arabic
The Dato Penghulu of Johol,
Johan Pahlawan Lela Perkasa
Setiawan.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Hussain

(Sgd.) D.Hipap
The Dato Penghulu of Rembau,
Lela Maharaja.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Hussain

(Sgd.) T.Sharipah Loyah
Acting Tunku Besar of Tampin.

Witnessed by:-
(Sgd.) Tunku Nasir

(Sumbangan:Arkib Negara Malaysia)

Tel. No.: Kuala Klawang 210
Bil. (3) dlm. BUJ/A/119
File No.....

BALAI UNDANG,
LUAK JELEBU,
NEGERI SEMBILAN
24hb. November, 79
Kuala Klawang.....19.....

Yang Mulia,
Kapada.....
Dato' Othman bin Baginda, Pemangku Undang,
.....Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari

بالي اونداغ، لواق جلبو،
نكري سمبيلن

كوالا كلاوغ.....13
.....كفد
.....

Dato',

Permintaan Lembega Yang Tiga Mengadakan
Undang Baru Menggantikan Allah Yerham
Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Ma'amor

Kedatangan Dato'-Dato' Lembaga Yang Tiga Bagi Mengadakan Undang Yang Baru akan disaksikan oleh Yang Berbahgia Tuan Pegawai Daerah Jelebu di Balai Undang Jelebu pada 26hb. November, 1979 bersamaan hari Isnin jam 9.00 pagi.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar,

Haji Aman bin Haji Sidek,
Dato' Mengiang Merah Dangsa.

s.k

Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela.

Tel. No.: Kuala Klawang 210

File No. Bil. (4) dlm. BUJ/A/119

BALAI UNDANG,
LUAK JELEBU,
NEGERI SEMBILAN

Kuala Klawang, 27hb. November, 19 79

Kepada Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela,
(Syed Alwi bin Syed Idrus, PJK),
Batu 4, Kampong Peradong,
Jelebu.

بالي اوندغ، لواق جنبو،
نكري سمبيلن

كوالا كلاوغ.....19

كفد.....

.....

Dato',

Menimbulkan Undang Yang Baru

Adalah dimaklumkan kepada Dato' iaitu berhubung dengan perkara yang diatas diharap Dato' akan hadir ke Balai Undang Jelebu pada 27hb. November, 1979 bersamaan hari Selasa bagi urusan tersebut.

Kehadiran Dato' sangat-sangat diharapi. Terima kasih.

(OTHMAN BIN BAGINDA)
Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari,
Pemangku Undang Luak Jelebu.

s.k

Tuan Pegawai Daerah,
Jelebu.

Tel. No.: Kuala Klawang 210

File No. Bil. (5) dlm BUJ/A/119

BALAI UNDANG,
LUAK JELEBU.
NEGERI SEMBILAN
28hb. November, 79

Kuala Klawang ..... 19.....

Kapada Y.M Dato' Paduka Menti Sulaiman bin Abdul Ghani, PJK; PKL
Y.M Dato' Raja Balang Syed Ismail bin Syed Ali
Y.M Dato' Maharaja Inda Sharif bin Sakaf

بالي اوندغ، نواق جلبو،
نكري سمبيلن

كوالا كلاوغ ..... 13

كفد .....

Dato',

Menimbulkan Bakal Undang Luak Jelebu

Dengan hormatnya dimaklumkan haraplah Dato'-Dato' yang tersebut diatas, khasnya Dato' Paduka Menti, iaitu Bakal-Bakal ini dipileh giliran-nya daripada Perut Sarin, tua warisnya ialah Dato' Paduka Menti.

Oleh itu saya berharap Dato' Paduka Menti akan mengumpulkan anak-anak warisnya dan memanggil jauh dan dekat bagi mencari bakal-bakal ter-sebut diatas dan haraplah dengan seberapa segeranya.

Lain tiada apa disudahi dengan diucapkan selamat berjaya Insya Allah adanya.

Yang benar,

(SYED ALWI BIN SYED IDRUS, PJK)
Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela,
Luak Jelebu.

s.k

Tuan Pegawai Daerah,
Jelebu.

LAMPIRAN 7

Anak Buah Warith Sarin
Ketua Warith, Datuk Raja Di Raja
Jelebu, Negeri Sembilan.
27hb. November 1979.

Mengadap kehadapan Datuk-Datuk Lembaga;

1. Yang Amat Mulia Datuk Nike Menteri Sah Mangku Alam.
2. Yang mulia Datuk Umbi.
3. Yang mulia Datuk Raja Balang.
4. Yang Mulia Datuk Maharaja Inda.
5. Yang mulia Datuk Cincang MaharajaLela.
6. Yang mulia Datuk Mengiang Merah Bangsa.
7. Yang mulia Datuk Senara Angsa.

Pada pehak Kerajaan:

1. Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Negeri Sembilan.
2. Yang mulia Tuan Pegawai Daerah Jelebu.

Mudah-mudahan mendapat taufik dan hidayat dari Tuahan Yang Maha Berkuasa lagi Maha Adil serta lagi Bijaksana dan didoakan didalam sihat walafiat serta selamat sejahteranya.

Bismillah irahman irahim

Qaulahul Haq

Alhamdulillahi Rabbil Alamin, segala puji kepada Tuhan yang berkuasa seluruh Alam.

Dengan segala hormatnya kami Anak Buah Warith Sarin Pehak Datuk Raja Di Raja, mengemukakan Tuntutan, Menuntut Hak Pusaka kami dan membantah dengan sekeras-kerasnya apa yang tertulis didalam Buku Malay Subjects; yang menyebut kan pehak Warith Sarin/kami Bersalah Ditidak Bolehkan Mengadakan Bench Untuk Menyandang Datuk Undang Luak Jelebu.

Yang kedua kami Membantah dengan sekeras-kerasnya; yang Datuk Paduka itu jadi Kepala Warith Sarin, yang tersebut didalam buku Malay Subjects itu.

Yang ketiga; kami menekankan sekali lagi; Cerita Datuk Raja Di Raja Teras yang didalam buku tersebut segaja digebar-gemburkan oleh pehak Datuk Paduka masa Datu Undang Abdullah mula dilantek, danjuga Datuk Undang Abdullah itu sendiri kerana, supaya menekan pehak kami dimasukkan didalam buku itu, Dengan itu pada pehaknya sahaja lah Warith Menyandang Undang itu.

Yang ke empat kami Menuntut Hak yang sebenarnya;

a) Siapa dia Ketua Warith Menyandang dalam Warith Sarin; ialah Datuk Raja Di Raja, seperti Adat Berlembaga, tiap-tiap Ketua Warith Menyandangnya mesti ada gelaran Raja atau Mahara dipangkal gelarannya, contohnya;

1. Ketua Warith Menyandang Warith Ulu Jelebu; Datuk Raja Balang.
2. Ketua Warith Menyandang Warith Kemin; Datuk Maharaja Inda.

3.Sekarang Ketua Warith Menyandang Warith Sarin; tidak lain dari Datuk Raja Di Raja, kerana fikirkan lah kenapa ada gelaran Raja dipangkalnya???

b)Siapa pula Ibuapak Warith Menyandang Warith Sarin? Mengikut adat yang hak ialah Datuk Paduka Menti.

Mengikut adat yang terjeli dan sebenarnya Ibuapak TIDAK ADA Raja atau Maharaja dipangkal gelarnya.

1. Ibuapak Warith Ulu Jelebu;ialah Datuk/Tok Beremban.
2. Ibuapak Warith Kemin,ada tiga gelarannya mengikut tempat jadinya:
   a)Datuk/Tok Laksamana.
   b)Datuk/Tok Lela Setia
   c)Datuk/Tok Menti Penghulu.
3. Siapa Ibuapak Warith Sarin mengikut Adat yang hak. Ialah tidak lain dari Datuk/Tok Paduka Menti! !..

Yang kelima ;kami menuntut Hak Warith Berundang Warith Sarin ini'Satu'atau satu kumpulan sahaja,bukan dipecahkan pada'A'dan 'B' seperti didalam buku Malay Subjects itu!

Berperut-perut didalam warith itu bukan berpehak,tetapi Bersatu dalam satu Warithan:

1. Iaitu Perut-Ulu Jelebu,Jelin,Merbau,Aur Berduri,Peninjau dan Kiri Hudik Sungai Jelebu.
2. Dari perut-perut inilah berpusing mengikut geleran:
   a)Menyandang Undang/Datuk Undang.
   b)Menyandang Datuk Raja Di Raja/Lenbag.
   c)Menyandang Datuk Paduka/Ibuapak.

Yang ke enam: Soalan yang mungkin timbul; Mengapa Warith Sarin pehak Datuk Raja Di Raja tidak bertimbang salah semasa Datuk-Datuk Undang Abdullah, Datuk Undang Shahmaruddin dan Datuk Undang Abu Bakar?

1. Datuk-Datuk sudah maklum kami telah menegaskan ;'Kami tidak bersalah! ! Kesalahan itu adalah dibuat-buat oleh orang yang telah disebutkan awal tadi Kalau kami betul bersalah,kenapa kami tidak bertimbang semasa ada Datuk Undang Abdullah lagi? Pada hal Datuk Undang Abdullah ada anaknya didalam perut Warith Sarin yang berkenaan.

2.Kalau kami bertimbang bererti kami mengaku kesalahan itu! !.Kami tidak bersalah ! Dan kami mesti patuh pada apa yang tertulis didalam buku Malay Subjects itu.Sebab itu kami tidak mahu bertimbang.

3.Kami tidak mahu Datuk Paduka Menti jadi Kepala Warith kerana ia bukan kepala Warith Tulin. Kalau perkara ini dibongkarkan/dikemukakan semasa Datuk-Datuk Undang; Datuk-Datuk semua tahu Undang Jelebu Bergajah Tunggal! Sabdanya kata putus, ia memerintah ;maka Cairlah Bumi dan Runtuhlah Langit. Balik-balik kami juga yang mengaku salah dengan terpaksa.

4. Sekarang maka sampailah masa dan ketikanyamaka kami membuat tuntutan ini.

Yang ketujuh: Apa yang kami kehendakki?

Supaya menyenangkan perkar ini tidak berpanjangan dan tidak [illegible] tertekan.

Batalkan /hapuskan apa yang ada tercatit dalam buku Malay Subjects [illegible] nai:

1. Sebab-sebab Warith Sarin Pehak Datuk Raja Di Raja Tidak Boleh [illegible] Beneh Bakal Menyandang Datuk Undang Luak Jelebu.
2. Warith Sarin tidak dipehakpehakkan seperti tertulis didalam buku itu.
3. Kepala Warith Berundang dalam Warith Sarin, ialah Datuk Raja Di Raja [illegible] Datuk Paduka Menti.
4. Warith Sarin enam perut itu; Bersatu mengikut aturan pusingan semua perut boleh menjadi Datuk Paduka, Datuk Raja Di Raja dan Datuk Undang, mengikut geleran yang akan diaturkan oleh Datuk Undang yang akan di lantik kelak.
5. Satu Perjanjian baharu hendaklah dibuat supaya mengkanunkan perkara diatas.

Maka sekarang kami berdoa semuga tuhanmakbulkan perkara yang hak ini pada Datuk-Datuk yang berkenaan . Adakah Datuk-Datuk mahu memehak pada yang batal, yang mana soalan ini berpanjangan hingga ke hari Kiamat diPadang Yaumil-mahsyar dihadapan Qadhi Rabul Jalilkelak ! Sekarang kita tahu apa hukumnya menipu, merampas hak orang lain? Wang Hasil yang kita dapat itu mensara hidup anak isteri kita diman, didalam darahnya mengalir zuriat kita dan juga batang tubuh kita tunduk bangkit menyembah Tuhan siang dan malam tetapi apa ada yang didalam badan kita renungilah dengan secukupnya kadang kala kita bersedekah, pergi menunaikan Fardhu Haji, dimana kita hendak letakkan wang yang kita makan itu tahu halal haramnya, sengaja kita sembunyikan kita kelagak-lagakkan, -megah-megahkan--Wahai orang yang beriman didunia ini tidak lama seperti dia akhirat. Oleh itu kami seru sekali lagi kembalilah kejalan yang benar, dan hapuskanlah perkara yang batal yang membawa rezeki kita haram berpanjangan.

Sekianlah sahaja kami maklumkan kepada Datuk-Datuk, Yang Amat Berhormat dan Yang mulia Tuan Pegawai Daerah Jelebu. Mudah-mudahan Allah lapangkan dada kita menimbangkan dengan seadil-adilnya, wassalam.

Kami Wakil Anak Buah:

Orang Tua Warith:..... Ketua Warith:.....

( Yasin bin Liput ) ( Kecik bin Kiman
Datuk Raja Di Raja.

Segala Salinan Tuntutan dari pehak kami dihantar:
Kepada Yang Di Pertua Dewan Keadilan Negeri,
Negeri Sembilan.

(Ihsan dari Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman, Kampung Jelin, Jelebu, Negeri Sembilan)

LAMPIRAN 8

Ketua Warith Sarin,
Datuk Raja Di Raja,
Kampung Jelin,
Kuala Klawang, Jelebu.
?8hb. November, 1979.

Kehadapan Yang Amat Mulia,
Datuk Niko Menteri Sah Mangku Alam,
Balai Undang Luak Jelebu,
Kuala Kelawang, dengan selamatnya.

Salam hormat dari saya Ketua Warith Sarin Datuk Raja Di Raja berkebulatan Anak Buah Warith Sarin tersebut bermaklumkan kepada Datuk untuk mengemukakan nama Calun Bakal Menjadi Datuk Undang Luak Jelebu dari pehak Warith Sarin yang berketuakan kepada saya.

Sebelum saya mengemukakan nama calun itu maka saya nyatakan juga bantahan dan tuntutan yang saya atau pehak Waris Sarin berketuakan saya untuk membolehkan pehak warith ini mengemukakan nama calun tersebut.

'Anak Buah Warith Sarin yang berlembagakan Ketua Warith Berundangnya Datuk Raja Di Raja, menolak dan membantah dengan sekeras-kerasnya apa yang tertulis dalam buku Malay Subjects(Papers on Malay Subjects) yang menyatakan bahawa warith kami tidak boleh mengadakan 'Benih Bakal Datuk Undang'. Ini disebabkan kononnya Datuk Raja Di Raja Teras telah menghukum bunuh seorang Rakyat Undang yang tidak dirujukkan pada Datuk Undang!

'Kami membantah dengan sekeras-kerasnya sekali lagi kerana cerita ini sahaja direkaoleh pehak tertentu pada pehak kami iaitu oleh Datuk Paduka zaman mula melantik Datuk Undang Abdullah, dan Datuk Undang Abdullah sendiri dengan nikat supaya warith menyandang terhak pada warith dalam perut Datuk Paduka sahaja dan menindas pehak kami Datuk Raja Di Raja.'

'Kami berpendapat Datuk Raja Di Raja tetap Kepala Warith Sarin, Bukan Datuk Paduka seperti di dalam buku yang tersebut.'

'Sekali lagi kami menerangkan bahawa Datuk Raja Di Rajaadalah Ketua Warith Sarin, kerana mengikut 'adatnya tiap-tiap Kepala Warith itu mempunyai gelaran Raja atau Maharaja dipangkal gelarannya seperti: Warith Ulu Jebabu; Datuk Raja Balang, manakala Warith Kemin pula Datuk Maharaja Indu. Oleh itu tidak syak lagi bahawa Kepala Warith Sarin ialah Datuk Raja Di Raja.

Ada hubungannya dengan ini, kita ambil perhatian pula pada Ibuapak tiap-tiap warith itu. Ibuapak pada warith Ulu Jelebu ialah Datuk Berembah Ibuapak pada Warith Kemin mengikut perut menjadinya; Tok Lasamana, Tok Lela Setia dan Tok Menti Penghulu. Manakala Ibuapak pada Warith Sarin pula tentul Tok Paduka Menti.

Kalau kesalahan Datuk Raja Teras itu dipersoalkan, kalau benar ia melakukan kesalahan itu, tentu sekali ia sahaja yang dihukum, bukan warithnya. Jikalau warith Datu Raja Di Raja dihukum maka Warith Datuk [illegible] tidak boleh lari dari menerima hukuman sama kerana perutnya sama iaitu tiada perut

perut itu di pecahkan sebelumnya. Terdapatnya perpecahan ini Warith Sarin 'A' dan 'B' seperti sekarang ini adalah dalam zaman Datuk Undang Abdullah. Oleh itu lojiknya, kalau mahukan keadilan Semua Warith Sarin tiada lagi boleh menyandang pusaka Undang. Bukan pehak Datuk Raja Di Raja sahaja seperti sekarang ini. Berperut-perut itu bukanlah untuk mengasing-asingkan tetapi untuk memudahkan mencari calun atau bakal menyandang Ibuapak, Datuk Lembaga atau Undang. Peraturan ini berpusing mengikut giliran, bukan berpehak-pehak dan berpecah-pecah. Sila perhatikan pada Warith Ulu Jelebu:

1. Datuk Raja Balang; Ketua Warith.
2. Datuk Beremban; Ibuapaknya.
3. Anak Buahnya yang berperut-perut.

Maka dari perut-perut itu bergilir-gilir lahirnya menyandang gelaran Datuk Beremban, Datuk Raja Balang dan Datuk Undang.

Soalnya sekarang mengapa pula dalam Warith Sarin, tegak menegak berpanggah? Nyata sekali lahirnya keadaan ini adalah dari satu niat yang sangat tidak jujur, tekan menekan untuk membolot pusaka.

Oleh itu kalau Datuk Paduka berhak menghantar Benih atau calun Bakal Undang maka kami 'Datuk Raja Di Raja, berhak juga menghantar benih atau calun Bakal Undang itu.

Akhirnya sekali lagi kami menegaskan, bahawa kami tidak mengakui apa yang tercatit berhubung dengan Datuk Raja Di Raja Teras, yang terkandung dalam buku 'Papers on Malay Subjects' yang dikarang oleh seorang Pegawai British dengan kerjasama dan kehendak Datuk Undang Abdullah.

Maka oleh itu kami Warith Sarin pehak Datuk Raja Di Raja dan Anak Buahnya dengan sebulat kata/sebulat suara/Kebulatan mencalunkan:-

'Encik Musa bin Wahab, P.J.K.

menjadi Datuk Undang Luak Jelebu Yang Baharu.

Sekianlah sahaja saya Datuk Raja Di Raja bermaklumkan kepada Yang Amat Mulia Datuk. Wassalam.

Saya yang benar:

.....

( Kecik bin Kiman )
Datuk Raja Di Raja.

Salinan kepada:
1. YAB Datuk Menteri Besar Negeri Sembilan.
2. YM. Datuk Undi.
3. YM. Datuk Raja Balang.
4. YM. Datuk Maharaja Inda.
5. YM. Datuk Cincang Maharaja Lela.
6. YM. Datuk Mengkam Merah Bangsa.
7. YM. Datu Senara Anggun.
8. YM. Tuan Pegawai Daerah Jelebu.

(Ihsan Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman, Kampung Jelin, Jelebu, Negeri Sembilan)

LAMPIRAN 9

Telapak Dato' Paduka
Kampong Simpang Gelami
Batu 41/4,Peradong.

Tarikh: 30 Nov: 79

Kepada:- Dato' Raja Diraja Kecik 1-KL,
Tg. Jelin, Tuan Yang Di-Pertuan
Jelebu, N.S.

Perkara: Menimbulkan Pesaka Undang Luak Jelebu

Bimaalumkan iaitu diminta Dato' menghadirkan diri pada 4Dis 79 bersamaan hari Selasa jam 10.30 pagi.Di Telapak Dato' Paduka alamat saperti diatas,
Kehadiran Dato' sangat sangat dikehendaki.
Sekian. Terima kaseh.

(Dato' Paduka Sulaiman,PJK,PKL)

(Ihsan dari Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman, Kampung Jelin, Jelebu, Negeri Sembilan).

LAMPIRAN 10

Warita Sarin

Penak Datuk Raja Di Raja

4hb.Disember 1979.

'Assalamualaikum Warahmatullah.'

'Bismillah irahman irahim.'

'Kami Datuk Raja Di Raja bagi penak Warith Sarin yang berhak kepada Pesaka Menyandang Datuk undang Luak Jelebu.'

'Dengan ini kami kemukakan Calun Bakal Datuk Undang Luak Jelebu iaitu:

'Encik Kecik bin Wanan.PJK.'

'Nama Calun ini diserahkan kepada Yang mulia Datuk Undi dengan pengetahuan Kerajaan' Di Telapak Datuk Paduka Menti.

Yang benar:

(Kecik bin Kiman )

Datuk Raja Di Raja.

Salinan kepada:

1.Yang Amat Mulia Datuk Nika Menteri Sah Mangku [illegible].

2.Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar [illegible].

3.Yang [illegible].

4.Yang mulia Datuk Maharaja Lela.

5.Yang mulia Datuk Cincing Maharaja Lela.

6.Yang mulia Datuk Menglang Merah Bangsa.

7.Yang mulia Datuk Semara Anggsa.

8.Yang mulia Tuan Penawai Daerah Jelebu.

(Ihsan dari Dato' Raja Diraja Kecik bin Kiman, Kampung Jelin, Jelebu, Negeri Sembilan)

BALAI UNDANG.
LUAK JELEBU.
NEGERI SEMBILAN

*Kuala Klawang* ..... *19*....

*Kepada*..... .....

.....

LAMPIRAN 11

"SURAT PERSETUJUAN"

Bahawa dengan sesungguhnya saya Ketua-Ketua Waris - Dato' Raja Balang Syed Ismail bin Syed Ali - Dato' Paduka Menti Sulaiman bin Abdul Ghani - Dato' Maharaja Inda Sharif bin Sakaf bersetuju sebulat suara memilih Bakal-Bakal Undang bagaimana tersebut dibawah :-

1. SYED ZIN BIN SYED HUSIN
2. SYED SULONG BIN SYED CHIK
3. NORDIN BIN AHMAD
4. OTHMAN BIN AHMAD

Bakal-Bakal ini diserahkan kepada Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela Jelebu teliti bagi Pesaka seterusnya diberi kepada Dato' Menteri teliti bagi Adat - Dilaporkan kepada Dato' yang Delapan mengikut suara yang terbanyak .

Tanda tangan Ketua-Ketua Waris :-

1. Dato' Raja Balang Syed Ismail bin Syed Ali.

2. Dato' Paduka Menti Sulaiman bin Abdul Ghani

3. Dato' Maharaja Inda Sharif bin Sakaf

Tanda tangan Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela :
Calun - Calun ini sah dan maktamad.

Tanda tangan Saksi :-

1. ..... - DAIMAN ABDAN S. DARAMIN

2. ..... YAHAYA BIN HASAN

Termaktub di Balai Undang Luak Jelebu.
Kuala Klawang, pada 8hb. Disember, 1975.

*Tel. No.:* Kuala Klawang 210

*File No.*.....

BALAI UNDANG.
LUAK JELEBU,
NEGERI SEMBILAN

*Kuala Klawang*.....*19*.....

*Kapada*.....

.....

بالي اوندغ، لوق جلبو،
نڬري سمبيلن

كوالا كلاوغ.....13

كفد.....

.....

PENGAKUAN
MENAPIS CALUN-CALUN BAGI PIHAK TALI PESAKA
BAKAL UNDANG LUAK JELEBU
YANG DIADAKAN DI BALAI UNDANG
JELEBU PADA 12HB. DISEMBER, 1979

Mesyuarat pada hari ini bagi pihak Tali Pesaka yang di Pengêrusi oleh Dato' Ombi Syed Alwi adalah calun bagi 4 orang itu telah menolak calun Othman bin Ahmad iaitu telah dipersetujui oleh Buapak-Buapak Dato' Ombi iaitu To' Lela Perkasa Othman dan Imam Perang Bustamam kerana ia ada mencaci kepada Allah Yarham Dato' Abu Bakar bin Haji Ma'amor (Undang Luak Jelebu) pada 21.9.76.

Oleh sah dengan terangnya dibawah ini telah ditanda tangani oleh Buapak-Buapak dengan disaksikan oleh Yang Berbahgia Tuan Pegawai Daerah Jelebu.

Tanda tangan Buapak :-

1. To' Lela Perkasa Othman bin Haji Siraj

2. To' Imam Perang Bustamam bin Ayon

Tanda tangan Dato' Ombi Syed Alwi.

12/12/79

Tanda tangan Tuan Pegawai Daerah Jelebu.

Penolakan calun ini sah dan muktamad. 12/12/79

Termaktub di Balai Undang Luak Jelebu,
Kuala Klawagg, pada 12hb. Disember, 1979.

LAMPIRAN 13

Catitan berkenaan dengan Pesaka Warith Sarisa-Saria "A"-Kepala Warith:Date Paduka Menti;Saria "B" Tua aya :Date Raja Di-Raja .Oleh Date Ombi SYED ALWI BIN SYED IDRUS .Seperti tersebut yang tersirat dan sa-tengah sa-tengah ter-surat yang telah di-pakai dari zaman kezaman di-dalam Luak Jelebu .

==========

Dengan ini adalah saya memberi Penerangan berkenaan dengan Pesaka Warith Saria yang telah di-pecahkan kapada Saria "A" kapada Warith-nya Date Paduka Menti,dan Saria "B" tua-nya bergelar Date Raja Di-Raja (Dahulu Date Raja Penghulu). Bahawa warith Saria ini ialah Suku Biduanda ( Warith Perut Perempuan). Semenjak dari beberapa lamanya , dahulu warith ini telah berchahagi dua dengan Date'Raja DiRaja(dahulunya Date'Raja Penghulu)sebagai ketua Satu( Div. I). Implikasinya ada dinyatakan didalam papers on Malay Subjects " While the warith Saria have split into two parts, of which one cannot furnish candidates for the Undangship. The reason given for their disqualification is that their first headman, Date'Raja Teras, killed a man without refrence to the Undang."

Tiada siapa yang dapat menjelaskan yang Date'Paduka Menti itu seorang Buapak sama de ada dengan siratan atau suratan.

Ada yang mengatakan kenon" Tiap-tiap Ketua Waris menyandang mistilah ada gelaran Raja atau Maharaja didalamnya." Ini adalah sangkaannya semata-mata dengan tiada sandaran dimana-mana samada tersurat atau tersirat. Implikasi (bandingan) tak boleh menentukan kebenaran. Cubalah siasat senarai gelaran Buapak-Buapak dan Juak-Juak. Kita boleh dapati banyak yang memakai gelaran yang mengandungi Raja atau Maharaja didalamnya. Cubalah tengok umpamanya " Tok Lela Raja ", " Tok Maharaja Sedara", " Tok Megat Maharaja", " Tok Maharaja Perba".

Kenanannya bahawa Date'Raja DiRaja dan Date" Paduka Menti adalah orang-orang besar yang sama tarafnya didalam wasis Saria. Dari sinilah timbulnya perkataan " Gendang Selabeh ".

Berbalik kepada Date' Raja Teras, suka saya menyatakan bahawa Date' ini telah membunuh seorang yang bernama " Maulud " seorang berbangsa asli disungai Saria

Sambungan dimuka 2.

29/12/77

kerana dia berkehendakan isterinya. Pembunuhan ini telah disampaikan kepengetahuan Undang yang ketujuh (7) Date' Duanggo. Date' Raja telah dipanggil mengadap untuk dibicarakan, oleh Undang. Dalam pun telah dipanggil beberapa kali dia tidak juga mengambil peduli. Beradat diantara Date'-Date' dan Lembaga serta Undang telah diadakan. Hukuman yang telah dijatohkan ialah selagi " Date'Raja Teras " tidak bertimbang salah mengikut cara Adat Jeleba warisnya ditahan ( ditolak) daripada menyandang pesaka Undang. Disini sukalah saya menyatakan bahawa hukuman keatas Date'Raja Teras telah dijalankan oleh Undang Date' Duanggo dengan waris dan Lembaganya dan telah dan telah dipakai oleh waris Lembaga zaman berzaman bukan oleh mana-mana Undang selepasnya. Sekiranya ada waris yang tidak mengaku atau sengaja tidak mahu menerima kebenaran ini, pada pandangan saya mereka itu adalah melakukan kesalahan. Tidak menakai atau tidak mengikut satu-satu unsur yang telah disahkan oleh Undang dengan kebulatan waris dan lembaga ( orang delapan ).

KUASA.

DATO' OMBI:-

Date' Ombi adalah dikuasakan mengarah dan mengawasi lantikan Date' Penghulu ( UNDANG) yang baharu dan

DATO' MENTERI SAH MANGKU ALAM.

Date' Menteri berkuasa mengesah atau membatal lantikan itu dengan dia sendiri menjadi Penangku, peserentah didalam masa perantaraan dibawah gelaran " Menteri Sah Mangku Alam Raja Sehari ".

UNDANG.

Undang tiada kuasa mencipta atau mengubah sebarang adat tanpa berunding dengan orang delapan. Orang Delapan pula berkuasa mengesahkan atau menecat LEMBAGA termasok UNDANG sekali dengan syarat mereka semua berkebulatan suara menjalankan tujuan atau maksud mereka itu.

Sebarang keputusan yang telah dibuat oleh orang delapan dan telah disahkan oleh Undang tidaklah boleh diubah-ubah atau dipinda. Sebarang perubahan atau pindaan hendaklah dengan sebulat suara orang yang delapan jua dengan disahkan oleh Undang. Mengikut kata adat " Sah lalu, batal kembali " pada Undang; Kata bercari kepada Lembaga; surut lalu pada waris, hidup mati pada keadilan".

Harap diingat bahawa tiap-tiap keputusan yang telah disahkan oleh Undang dengan mengikut lunas-lunas seperti diatas adalah Sabda Undang kata putus.

Kampong Peradong, Jelebu
Kuala Klawang. 29hb: Disember 1979".

Date'Ombi Pangkal Manangka Negeri Jelebu.

(Ihsan dari Ahmad bin Abu, Kampung Kemin, Jelebu, Negeri Sembilan)



(Ihsan dari Syed Zin bin Syed Hussin, Kampung Tampin Tengah, Tampin, Negeri Sembilan)

Lampiran 15

Kepada,
Yang Mulia,
Datuk Undi Jelebu,
Syed Alwi bin Syed Idrus.

Datuk,

Saya nama yang tersebut di atas ini dengan segala hurmatnya maklumkan kepada Datuk ialah berkenaan Calun Undang Jelebu, yang telah di adakan Mesyuarat di telapak Datuk Paduka di Simpang Gelami Peradong pada 4hb. Dicember 1979.

Bahawa saya Harun bin Abu Bakar dan Anak Saudara saya Talha bin Hussin telah di terima menjadi Calun Undang Jelebu Waris Sarin di dalam Perut Peninjau. Tetapi saya dapat tahu yang saya berdua ini di dalam Perut Peninjau telah di tolak dengan secara sulit.

Saya dapat tahu di dalam Perut Awaduri ada 3 orang Calun.

1). Syed Zin bin Syed Hussin.
2). Syed Sulong bin Syed Chik.
3). Johar bin Itam.

Di dalam Perut Kiri Bandar Tinggi satu orang Calun.

1). Nordin bin Ahmad.

Saya merasa tidak puas hati dan miskil mengapa Calun di - dalam Perut Peninjau terus di tinggalkan? Belum sampai keperinggkat pemilihan yang terakhir.

Mengikut peraturan Adat tiap - tiap satu Perut mastilah di - ambil satu orang Calun.

Di dalam Perut Awaduri satu Orang Calun.
Di dalam Perut Kiri Bandar Tinggi Satu Orang Calun.
Di dalam Perut Peninjau satu orang Calun.

Untok di sampaikan kepada pengthawan yang berkuasa di atas, untuk memilih siapakah yang layak menjadi Undang Jelebu.

Di harap mendapat kerjasama dan jasa baik dari Datuk menjalankan tugas mengikut peraturan Adat dengan secara Adil.

Sekianlah terimakasih adanya harap maaf.

Saya yang benar,

.....Harun.....
( Harun bin Abu Bakar )

Salinan Kepada,

1). Yang Mulia Datuk Menteri
Osman bin Baginda Balai Undang Luak Jelebu.
2). Yang Mulia Datuk Paduka
Sulaiman bin Adul Ghani.
3). Yang Berbahagia Tuan Pegawai Daerah Jelebu.
4). Yang Berbahagia Tuan Pegawai Penjaga Daerah Polis Jelebu,
5). Yang Amat Berhurmat
Datuk Rais bin Haji Yatim
Datuk Menteri Besar N. Sembilan.

LAMPIRAN 16

Dato' Pedana Menti
Sulaiman bin Abd Ghani [illegible]
Kampong Pered [illegible]
Kuala Klawang
Negri Sembilan

31 Disember, 1979

Yang Amat Mulia
Dato' Menteri Dah Mangku Alam
Raja Sari, Balai Undang Luak Jelebu
Kuala Klawang dengan Selamatnya.

Per : ROSAK ADAT [illegible] KERANA [illegible]

Ampun Dato' Sembah Patek harap diampun. Adalah satu orang SMKA (Waris Serin) saudara perempuan kepada Syed Sulong (Dalam Undang) telah hamil (4) bulan initu nama Syarifah Saihun bte [illegible] masa dudok di Jelebu menompang dirumah Soyah bte Dato Abdullah, di-Peradong, telah dijemput olih bapa saudaranya Syed Zain bin Syed [illegible] bawa balik ke Tampin. (Kesalahan Hamil Tanpa Suami). Perkara berlaku kira kira dalam tahun 60 han lebih kurang.

2. Dukun Bagor atau (Hj Yassin Liput) bersebahat dan jadi bidan kepada Syarifah Sojareh (Ibu Tertua kepada Syed Sulong), telah melahirkan bayi tanpa suami atau (luar nikah) dibidankan olih Dukun Bagor sendiri dan bayi itu lahir dirahsiakan. Syarifah Sojareh masa itu janda kepada Syed Idrus, boleh jadi sijanda yang tersebut ini berasmara dengan Bagor (Kaka India) keling kedai yang berdekatan dengan rumahnya.

Tuan Syarifah Sojareh ini waris Dato' Mendaling.

Sekian lah hamba Dato' sembahkan.

Harap diampun.

...Dt Sulaiman 31/12/79...
(Sulaiman bin Abd Ghani)

Salinan kepada:

Yang Amat Berhormat,
Dato' Menteri Besar Negri Sembilan.

(Ihsan dari Ahmad bin Abu, Kampung Kemin, Jelebu, Negeri Sembilan)

LAMPIRAN 17

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

No. Fail ( ) dlm. MBNS.

YAM. Dato' Othman bin Dahlan,
Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sara,
Pesangku Undang Luak Jelebu,
Balai Undang,
KUALA KLAWANG.

Dengan hormat tuanku Hamba Tuan adalah merujuk kepada perkara pemilihan calon-calon bagi Undang Luak Jelebu yang mana sekarang ini masih lagi didalam perhatian dan tindakan YAM. Dato'. Hamba Tuan bercadang untuk menemui YAM. Dato' secara rasmi di Balai Undang Jelebu bagi membincangkan pemilihan tersebut pada hari Jumaat 25hb. Januari, 1980 jam 3.00 petang. Disamping itu juga, adalah diharap agar YAM. Dato' bersedia membuat perisytiharan kepada Kerajaan akan Undang Jelebu yang baru pada 11hb. Februari, 1980.

2. Untuk makluman YAM. Dato', Kerajaan Negeri telahpun meluluskan elaun Pesangku Kadar sebanyak $1,000/= dan elaun Dato' Cali sebanyak $[illegible] bulan dan akan dibayar selama tidak lebih daripada 3 bulan mulai tarikh berpulangnya ke Rahmatullah Dato' Haji Abu Bakar bin Hj. Hakmon. Berkenaan ini Hamba Tuan kepilkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai elaun Pesangku serta syarat-syarat bayaran elaun dan pencen politik kepada YAM. Dato' Undang Yang Empat dan Toh Puan-Toh Puan serta YAM. Tengku Besar Tampin dan Tengku Laksamana dan juga kepada YM. Dato'-Dato' Lembaga serta pembesar-pembesar adat yang berpencen politik di bawah seperti syor Jawatankuasa Khas mengenai Laporan Tun Dr. Salleh Abas untuk makluman.

3. Hamba Tuan berharap tarikh yang dicadangkan untuk perbincangan seperti di para satu dapat persetujuan YAM. Dato' juga. Juga Hamba Tuan berharap pemilihan Undang Jelebu yang baru dapat diselesaikan sebelum 11hb. Februari, 1980.

Wassalam.

( DATO' [illegible]
Menteri Besar
Negeri Sembilan

s.k.
YAM. Dato' Cali bin [illegible]
Luak Jelebu.

Pegawai Daerah,
JELEBU.

Telapak Dato' Paduka,
Kampong Simpang Gelami,
Peradong, Jelebu.
26hb: Januari 1980".

Peringatan Perjumpaan Dato'-Dato' Lembaga Dan Waris

Tarikh 26hb: Januari 1980"
Jam 2.30 petang
Tempat Telapak Dato' Paduka Simpang Gelami.

Yang Hadir:-

1.Dato' Ombi Syed.Alwi bin Syed.Idrus Pengerusi
2.Dato' Raja Balang Syed.Ismail b Syed.Ali
3.Dato' Paduka Sulaiman bin A.Ghani
4.Dato' Majinda Sharif bin Sakaf
5.Dato' Ngiang Haji Aman b Haji Sidek
6.Dato'Chinchang Ahmad bin Abu
7.Dato' Senara Haji Sharif bin Gading.
8.Dato' Muda Deli bin A.Ghani (Buapak Dato'Paduka) turut hadir.

Perjumpaan dan mesyuarat dipengerusikan olih Dato'Ombi Syed.Alwi setelah dipersetujui olih yang hadir.

Ucapan Pengerusi(Dato'Ombi).

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menyampaikan yang perjumpaan diadakan hari ini adalah amat penting sekali yang mana perlantikan Dato'Undang yang baru akan diistiharkan pada 4hb:Feb:1980 ini, dan hanya semua Dato'-Dato' yang hadir mengetahui secara tidak rasmi sahaja melalui akhbar-akhbar dan radio. Dan ini adalah merupakan satu perkara yang luar biasa dan tidak mengikut peraturan adat Luak Jelebu turun temurun. Dengan yang demikian fikiran tiap-tiap seorang dari Dato'-Dato' Lembaga yang hadir adalah amat diperlukan sekali bagi menghadapi atur-peraturan lantikan Undang dan perkara yang paling penting sekali tiada diketahui sebenarnya siapakah calon yang akan dilantik dan diistiharkan kelak. Sambong pengerusi lagi adakah lantikan dan pilihan calon Undang yang baru itu nanti dipilih berdasarkan tiga nama sahaja seperti yang telah disampaikan olihnya kepada Pemangku Undang Luak Jelebu bertarikh 12hb: Desember 1979" yang lalu. Olih itu adalah mustahak perjumpaan kini mencari kata sepakat dan berkebulatan supaya lantikan nanti tidak terkeluar dari adat dan calon yang telah disahkan sahaja.

2.Dato' Raja Balang:-

Beliau menyatakan amat kesal sekali kerana lantikan yang akan dibuat tidak mengikut adat dan telah mengenepikan kuasa-kuasa tiap-tiap seorang dari orang delapan. Beliau menyatakan pada 21hb:Febuari 1980" telah bersama-sama dengan Dato' Maharaja Inda dan Dato' Mengiang mengadap dan berunding dengan Dato'Menteri(Pemangku Undang)bagi menanyakan perlantikan Undang, hasilnya adalah mendukacitakan sekali diatas sikap Dato' Menteri selaku Pemangku Undang bertindak kasar dan keras sekali. Walau bagaimana pon Dato'Raja Balang tetap dengan calon yang tiga seperti yang telah disahkan.

6. Dato' Paduka:-

Beliau juga rasa kesal dan tetap menahankan calon yang tiga seperti yang telah diperoses olih Dato'Ombi dan disahkan, Beliau memberi pengakuan akan menentang sekiranya ada calon luar dari yang telah diiktirafkan pada tarikh lantikan 4hb: Febuari 1980 nanti sambil berharap semua Dato'-Dato' menyokong dan bersimpati. Beliau tetap tidak mengakui kiranya ada calon dari waris Dato' Raja kiranya berkemungkinan dilantik nanti. Juga beliau menguatkan hanya tiga calon sahaja yang sah diperakui dan dipilih salah seorang darinya.

4. Dato' Maharaja Inda:-

Beliau bersetuju nama tiga calon sahaja diiktiraf seperti yang telah diperoses dan disahkan. Dan sedia patuh apa-apa tindakan kiranya diluar dari nama yang telah disahkan dan bersedia bersama-sama dengan Dato'-Dato yang tujuh.

5. Dato' Ngiang:-

Beliau berikrar tidak akan menyembah sekiranya Undang yang baru dilantik pada 4hb:Febuari 1980 nanti yang bukannya dari nama calon yang tiga seperti disahkan. Beliau memperakui hanya tiga calon sahaja disahkan bagi dipilih seperti yang dikemukakan olih Tali Pesaka Dato'Ombi.

6. Dato' Chinchang:-

Hanya patoh kepada calon yang tiga sahaja seperti yang disahkan dan tidak akan mengiktiraf calon luar dari yang berkenaan.

7. Dato' Senara:-

Diperakui tiga calon sahaja untuk dipilih mengikut aturan adat dan tidak memperakui calon yang lain dari yang telah disahkan menerusi Dato' Ombi sepertimana dikemukakan 12hb:Desember 1979" Beliau juga telah bosan dan tiada berpuas hati kerana Dato' Menteri selaku pemangku Undang tiada dapat perundingan yang muktamad mengikut peraturan adat. Beliau menyentoh calon Dato' Raja telah dibawa perbincangan bagi menjawab dakwaan yang dibuat olih Dato'Raja DiRaja supaya menerima calonnya. Keputusan penolakan calonnya telah dibuat pada tarikh 31hb: Desember 1979" yang lalu didalam mesyuarat Dato'-Dato' Delapan dengan dipengerusikan sendiri olih Dato'Menteri selaku pemangku Undang.

Keputusan dan Kebulatan Dato-Dato':-

Perbincangan didalam mesyuarat yang diadakan hari ini berkeputusan dengan berkebulatan se sekata seperti dibawah:-

1. Membuat surat pengakuan dengan menurunkan tandatangan dato'-dato' yang tujuh mengiktiraf dan mengesahkan hanya tiga nama calon sahaja dipilih salah seorang dari mereka untuk menyandang pesaka Undang yang akan diistiharkan pada 4hb: Febuari 1980" nanti. Nama-nama mereka ialah:-

   1.1.SYED.ZIN BIN SYED.HUSIN ALHAJ,

   1.2.SYED.SULONG BIN SYED.CHIK,

   1.3.NORDIN BIN AHMAD.

2. Surat berkenaan ditujukan kepada Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sehari, Pemangku Undang Luak Jelebu.Surat dihantar dengan A.R.Register dengan salinan kepada Dato'Undang Luak Sungai Ujung,Johol,Rembau, Dato'Menteri Besar N.S, Setiausaha Kerajaan,Penasihat Undang-Undang,

( 3 )

Setiusaha Dewan Kendilan dan Undang, Penghulu Daerah dan Ketua Polis. Surat salinan ini akan dihantar melalui pos kecuali surat salinan kepada YAB.Dato'Menteri Besar N.Sembilan akan disampaikan sendiri oleh Tujuh Dato'Lembaga yang akan pergi menghadap pada 28hb: Januari 1980" di Seremban jam 10.00 pagi. Kiranya Dato' Menteri Besar tiada maka majlis setuju akan menyampaikan kepada Setiusaha Sulit YAB. DMB.N.S.

3.Majlis mesyuarat hari ini juga tiada mengiktiraf dan menolak pencalonan dari sebarang anak buah Dato'Raja DiRaja seperti penolakan yang telah dibuat pada 31hb:Desember 1979" yang lalu bertempat diBalai Undang K.Klawang didalam mesyarat Dato'-Dato' Delapan.

4.Diperakui pemilihan Dato'Undang yang baru yang akan diistiharkan pada 4hb:Febuari 1980" ini berdasarkan tiga calon berkenaan sahaja dengan mengikut lantikan cara adat Luak Jelebu berpandukan kata pencari pada Lembaga yang tiga(Ngiang,Chinchang dan Senara) dan berkebulatan Dato' yang delapan.

5.Tiga nama yang dicalonkan berkenaan salah seorang yang dilantik, maka adalah dipersetujui dan sah.

Perjumpaan mesyuarat ditanggohkan olih pengerusi dengan harapan segala keputusan yang telah dibuat bersama diatas adalah sah dan muktamad. Dan keputusan ini juga merupakan keputusan mengikut cara adat dan rasmi. Ditanggoh kan jam 4.45 petang dengan terima kasih pengerusi serta diiringi dengan doa' yang dibacakan olih Dato' Maharaja Inda.

Sekian.

.....

(SYED.ALWI BIN SYED.IDRUS)
Dato'Ombi Pangkal Maharaja
Lela Jelebu merangkap
Pengerusi Mesyuarat.

(Ihsan dari Ahmad bin Abu, Kampung Kemin, Jelebu, Negeri Sembilan)

LAMPIRAN 19

Telapak Dato' Paduka
Kampong Simpang Gelami.
[illegible] Jelebu.
20hb: Januari [illegible].

Kepada :-
Yang Amat Mulia,
Dato' Menteri Sah Mangka Alam,
Pemangku Undang Luak Jelebu.

Yang Amat Mulia Dato',

Per: Pengesahan Calon Undang Luak Jelebu.

Dengan segala hormat dan taklimnya kamba-kamba dato' ingin[illegible] perkara diatas dan memaklumkan.
2. Mengikut perjumpaan yang diadakan pada 20hb: Januari [illegible] bertempat di Telapak Dato' Paduka Kampong Simpang Gelami Penghulu berkebulatan mengambil keputusan dan persetujuan seperti dibawah:-

2.1. Bersetuju dan mengiktiraf hanya tiga orang nama calon sahaja disahkan salah seorang daripada mereka untuk dipilih sepertí nama yang telah dikemukakan oleh Tetua Perajaan Dato' Ombi pada tarikh 12hb: Disember 1973" kepada Dato' [illegible] bagi dilantik menyandang pangkat Undang Luak Jelebu yang bergelar "Dato'Mendika Menteri Akhiruzzaman Undang Luak Jelebu".

Tiga nama calon tersebut ialah:-

2.1.1. SYED. ZIN BIN SYED.[illegible],
2.1.2. SYED. SAIUNG BIN SYED.[illegible],
2.1.3. NORDIN BIN AHMAD.

2.2. Lantikan dibuat mengikut peraturan adat Luak Jelebu dan berkebulatan Dato' yang Delapan.

Dengan ini hamba-hamba dato'menurunkan tanda tangan seperti dikehendaki:-

1. .....
(Dato'Orang Kaya Syed.Alwi b Syed.Idrus)
2. .....
(Dato'Raja Pelang Syed.Jamil b Syed.Ali)
3. .....
(Dato'Paduka Sulaiman b A.Rahmi )
4. .....
(Dato'Maharaja Inda Sharif b Sakaf)
5. .....
(Dato'Ngolong Hj.Ingah b Hj.Sidek )
6. .....
(Dato'Sedara Hj.Habib b Teding )
7. .....
(Dato'Chinchang Ahmad b Abu )

Sekian dan terima kasih.
Wassallam.

Salinan:-
1.YAM. Dato' Undang Luak Sg.Ujung,Johol dan Rembau.
2.YAM. Dato' Menteri Negeri N.Sembilan.
3.YB. Setiausaha Kerajaan N.Sembilan.
4.YB. Penasihat Undang-Undang N.Sembilan.
5.Y.M. Setiausaha Dewan Undangan dan Undang N.S.
6.Y.M. Penguasa Daerah Jelebu.
7.Y.M. Ketua Polis Daerah Jelebu.

LAMPIRAN 21

Bil. ( 19 ) dlm SUDKU . 31/79.

Tel. S'ban: 712586

PEJABAT DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN,
(Office of the Council of the Yang Di-Pertuan
Besar and the Ruling Chiefs, N.S.)
d/a ISTANA HINGGAP,
SEREMBAN.

29hb Januari, 1980.

Yang Berbahgia
Dato' Ombik Syed Alwi bin Syed Idrus & 6 lain,
Telapak Dato' Paduka,
Kampong Simpang Gelami,
Peradong, Jelebu,
P/P KUALA KLAWANG.

Dato',

Per: Pengesahan Calon Undang Luak Jelebu.

Saya adalah dengan hormatnya mengakui telah menerima salinan surat Dato' bertarikh 26hb Januari, 1980 berhubung dengan perkara tersebut di atas yang dialamatkan Dato' Menteri Sah Mangku Alam, Pemangku Y.A.M.Dato' Undang Luak Jelebu.

2. Saya kurang faham hal ehwal Adat di Jelebu, sediamaklum sahajalah sebagai seorang yang mentah dalam halnya itu, tetapi pernah saya mendapat kata pendek daripada Dato' Menteri Sah Mangku Alam demikian bunyinya:

"Ombik mencarikan 'benih' nya
dan saya (Menteri) yang menanamkan sahaja", mengikut Adat Jelebu".

3. Nampaknya, tugas Ombi mencari 'benih'nya itu telah dipenuhi sebagaimana Tiga calun yang dia buthan dalam surat Dato' itu dan perkara menanamnya pula mengikut [illegible] satu daripada Tiga itu.

4. Pada hemat saya bila membaca "Peringatan Pengumuman" terlampir kepada surat Dato' itu, seolah-olah ada lain calun daripada Tiga itu yang bukan "benih" carian Ombi dan mudah tentu pula untuk menentang Adat Jelebu. Tegasnya, berlaku demikian, menjadilah "Menteri cari 'benih' dan Menteri jugalah menanam". Adat mana?

Sekianlah adanya.

Yang menurut perintah,

(ISMAIL BIN HAJI [illegible])
Setiausaha,
[illegible]

Y.M.Dato' Menteri Sah Mangku Alam,
Pemangku Y.A.M.Dato' Undang Luak Jelebu,
Balai Undang Jelebu,
KUALA KLAWANG.

Telephon : Seremban 72421 & 72311.
PEJABAT MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN.

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

No. Fail ( 82 ) dlm. MBNS. 2.05

YAM. Dato' Othman bin Baginda,
Dato' Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari,
Penangku Undang Luak Jelebu;
Balai Undang,
KUALA KLAWANG,
Jelebu.

Dengan hormat dan takzimnya sukacitalah saya merujuk semula warkah saya bertarikh 3hb. Januari, 1980 mengenai pemilihan dan pertaytiharan Dato' Undang Luak Jelebu yang bakal diadakan pada 4hb. Februari, 1980 dan memorandum yang disampaikan oleh Dato'-Dato' Lembaga yang bertujuh bertarikh 26hb. Januari, 1980.

Pada hari ini, 1hb. Februari, 1980 Dato'-Dato' Lembaga yang bertujuh itu sekali lagi mengunjungi saya untuk menyampaikan hasrat dan pendirian mereka bahawa pemilihan Undang Luak Jelebu yang baru hendaklah berasas kepada calun-calun yang mereka kemukakan kepada YAM. Dato' Menteri.

Sesungguhnya saya adalah mengesyorkan supaya pihak Dato' menimbang semula kedudukan perkara ini sedalam-dalamnya dan berunding dengan Dato'-Dato' Lembaga yang berkenaan agar tidak timbul sebarang perkembangan yang tidak sihat.

Wassallam.

( DATO' RAIS YATIM )
Menteri Besar,
Negeri Sembilan.

s.k.
YM. Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela Jelebu,
Balai Undang Luak Jelebu,
Negeri Sembilan.

Seremban:
1 hb. Februari, 1980.

LAMPIRAN 22

Yang Berbahagia
Tuan Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang,
Negri Sembilan,
Seremban.

Tuan,

Perkara: Perlantekan Undang Jelebu

Adalah saya Dato-Dato dengan segala hurmatnya memaklumkan kapada tuan bahawa pemilihan Undang yang berlangsung jam 11.20 pagi pada 4.2.80 di Balai Undang Jelebu itu, saya Dato-Dato membantah dengan sebulat suara yang lantekan tersebut adalah tidak sah dan tidak mengikut adat - " Bulat sa-sakata Dato-Dato yang lapan membuat Undang atau memecatnya."

(i) Undang yang baharu dilantek ini dibuat oleh Dato Mantri Shah Mangku atau seorang sahaja ia itu meninggalkan Dato-Dato lembaga yang tujuh, mengikut adat yang turun temurun di Jelabu perkara ini ada lah terkeluar dari adat yang diamalkan. Oleh itu Dato Mentri ini terpecat dengan sendirinya bagaimana kata zdat - " Lalu menghangus surut layu patah berkubang," Kerana di Jelebu ini, " berundang, Berlembaga, Berkeadilan."

(ii) Segala apa perlantekannya dan perbuatannya tidak sah dari segi adat Jelebu.

Oleh hal yang demikian, harap lah saya Dato-Dato akan limpah kurnia daripada Dewan keadilan dan Undang akan mendapat pertimbangan dan keadilan yang saksama - adanya.

Kassallam.

Kami yang benar.

1. Dato Ombi Syed Alwi b Syed Idrus

2. Dato Raja Syed Ismail b Syed Ali

3. Dato Paduka Sulaiman b Ab.Ghani

4. ...

5. Dato Chinchang Ahmad bin Abu.

6. ...

7. ...

(Ihsan dari Syed Zin bin Syed Hussin, Kampung Tampin Tengah, Tampin, Negeri Sembilan)

Telefon: S'ban. 712566.

PRESS STATEMENT

Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan telah bersidang secara tertutup pada hari ini di Istana Besar, Sri Menanti tanpa dihadiri oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Negeri Sembilan dan lain-lain Pegawai Tinggi Kerajaan dan juga Setiausaha, Dewan Keadilan dan Undang mempertimbangkan kemukaan Memorandam oleh 7 Orang Dato'-Dato' Lembaga Luak Jelebu.

2. D.Y.M.M. Tuanku Yang Di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan selaku Yang Di-Pertua Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan itu menitahkan Setiausaha, Dewan Keadilan dan Undang memberitakan kesimpulan Sidang Mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang tertutup itu seperti berikut:-

Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan yang bersidang hari ini merestui perlantikan Dato' Musa bin Abdul Wahab menyandang Pesaka Y.A.M. Dato' Undang Luak Jelebu yang baru yang bergelar Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman."

Yang menjunjung titah perintah,

(ISMAIL BIN HAJI KASSIM)
SETIAUSAHA,
DEWAN KEADILAN DAN UNDANG,
NEGERI SEMBILAN.

ISTANA BESAR, SRI MENANTI.
7HB. FEBRUARI, 1980/20HB. RABIULAWAL, 1400H.

LAMPIRAN 24

*IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT SEREMBAN*

*CIVIL SUIT NO. 40 OF 1981*

Between

Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus ... Plaintiff

And

1. Dato Menteri Othman bin Baginda
2. Musa bin Wahat ... Defendants

*JUDGMENT OF ABDUL HAMID F.J.*

There are three application before the Court, first, by, the plaintiff for an interim injunction to restrain the second defendant from acting and/or exercising the duties and powers of Undang Luak Jelebu; second, by each of the defendants for an other that the Writ of Summons and the plaintiff's. Stament of Claim be struct out on the ground that the Court has no jurisdiction in the matter and pursuant to Order 25 Rule 4 of the Rules of the Supreme Court 1957.

In Seremban High Court Civil Suit No. 40 1980 the plaintiff asks for a declaration that the appointment of the second defendant as the new Undang of Luak Jelebu on February 4, 1980 made by the first defendant is invalid, ineffective, void and of no effect on the ground that it is ultra vires adat laws and constitution of Luak Jelebu.

